



93-798

Daud Ibrahim

# Mengapa Muhyiddin tidak popular

NASKHAT PEMERINTAHAN i  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
25 FEB 1993

Daud Ibrahim

# Mengapa Muhyiddin tidak popular

APB 68456

Cetakan pertama 1993

© Daud Ibrahim 1993

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh disalin semula, disimpan kekal atau dipindah sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit secara bertulis.

*Diterbitkan oleh*  
Wajah Kota (M) Sdn. Bhd.  
5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman Satu,  
50300 KUALA LUMPUR. Malaysia.  
Tel: 03-2929242

*Diaturhuruf oleh*  
Matang Selatan Engineering Sdn. Bhd.  
No 19-2, Jalan 3/82B  
Bangsar Utama Off Jalan Bangsar  
59000 KUALA LUMPUR  
Tel: 03-2821672

Muka taip teks  
Palatino  
Saiz taip teks:  
11/13  
Dicetak oleh:  
Polygraphic Marketing Sdn. Bhd.  
Harga: RM5.00  
ISBN 983-9824-00-7

*Dedikasi buat*

*Anakanda Norhaizan Othman di Muar...cinta itu indah jika dipandang dari jauh tetapi lebih banyak menyakitkan jika di dekati.*

# Kandungan

|  |      |
|--|------|
| Prakata  | vi   |
| Mukadimah  | viii |
| 1. Sebab Muhyiddin Gagal Rebut Jawatan Naib Presiden.  | 1    |
| 2. Mengapa Nasir Safar Melenting.  | 11   |
| 3. Pemuda Sudah Naik Tocang.   | 21   |
| 4. MB Terengganu Turut Dikecam.  | 30   |
| 5. Siapa Bakal Ketua Pemuda.   | 40   |
| 6. Orang Muhyiddin Pimpin Pemuda Johor.  | 50   |
| 7. Rahim Tamby Chik Tanding Naib Presiden lagi?  | 62   |
| 8. Perang terbuka Muhyiddin - Pemuda.  | 74   |
| 9. Syed Hamid rapat dengan Sanusi  | 85   |
| 10. Memelihara Keunggulan Bangsa.<br>(Ucapan Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin di Konvensyen UMNO Johor pada 9hb. Oktober 1992) | 98   |

## Prakata

TULISAN berbentuk buku ini merupakan siri kelima catatan serius saya setelah **Musnahnya Empayar Mingguan Perdana, UMNO PAS Mimpi & Realiti Wartawan Politik, Politik Balak & Kobena** (Tidak dipasarkan atas sebab-sebab tertentu) dan **Apa Strategi Musa Hitam?**

Tulisan-tulisan saya masih boleh diikuti di beberapa media cetak negara ini termasuk **Mingguan Politik, Media Islam, Harakah** dan **Berita Harian**. Kesempatan ini saya rakamkan terima kasih kepada editor-editor ayng bertanggungjawab menjaga ruangan-ruangan tersebut kerana memberi kesempatan kepada tulisan-tulisan saya.

Biasanya saya menulis sekembalinya saya dari lawatan ke luar negeri tetapi kali ini saya tidak pergi jauh kecuali ke Singapura seketika untuk berehat dan sambil memikirkan isu baru yang harus saya ketengahkan.

Kemajuan Singapura menarik minat hati saya untuk membandingkannya dengan Johor dan itulah sebabnya tulisan saya kali ini berlegar mengenai politik Johor, di bawah kepimpinan Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin.

Peringkat awalnya saya bercadang menulis sebuah buku untuk mengkritik penulis-penulis politik di negara ini. Malangnya, suatu petang saya terserempak dengan S.H. Alattas di Park Royal Hotel, Kuala Lumpur beliau

mencadangkan kepada saya agar bersama-sama untuk menubuhkan sebuah persatuan demi menjaga kepentingan penulis politik.

S.H. Alattas ini pernah saya sifatkan sebagai guru dan bapa saya di dalam bidang penulisan, maka tanpa banyak berosal jawab, maka saya menyetujui cadangan itu walaupun belum tahu tujuan sebenar persatuan seumpama itu.

Saya kesal dengan perangai dan sikap segelintir penulis yang keterlaluan di dalam tindak tanduk mereka tetapi disebabkan buku itu saya batalkan penerbitannya, maka saya meneruskan hasrat untuk mencatatkan sesuatu yang serius mengenai politik Johor, satu-satunya negeri yang pernah suatu ketika dahulu menjadi kubu kuat UMNO.

Secara kebetulan Muhyiddin sekarang sedang teruk diserang oleh Pergerakan Pemuda Negeri disebabkan ucapannya di Konvensyen UMNO Johor di Desaru. Sejauh mana kecaman beliau terhadap pemuda dapat dinilaikan dengan meneliti ucapan Menteri Besar itu yang saya rakamkan di dalam buku ini.

Akhirkata, maaf saya pinta kerana adat Melayu begitulah atau sebelum bercakap, mohon maaf dimestikan untuk menunjukkan kita mempertahankan adat melebihi daripada anak. Bertepatan dengan pepatah, 'biar mati anak, jangan mati adat'.

Oktober 28, 1992.

Kuala Lumpur.

## Mukadimah

TAN SRI Haji Muhyiddin Mohd Yassin menjadi Menteri Besar Johor selepas pilihanraya umum 1986. Beliau sebelum itu adalah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebelum dibawa balik bertanding di peringkat negeri.

Beliau menggantikan Menteri Besar dahulu (1982-1986), Datuk Abdul Ajib Ahmad yang dibawa bertanding di peringkat Parlimen (Mersing) dan dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seperti lain-lain Menteri Besar, Muhyiddin adalah orang muda yang ditonjolkan oleh pucuk pimpinan parti sebagai salah seorang pemimpin pelapis.

Zaman kepimpinannya melalui pelbagai gelora kerana Datuk Musa Hitam (Ahli Parlimen Kota Tinggi dan Ketua UMNO Bahagian Segamat) baru sahaja meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (16 Mac 1986).

Jika di Kelantan isu Tengku Razaleigh Hamzah dengan UMNO seperti tidak boleh dipisahkan, begitu juga di Johor, nama dan pengaruh Musa memang tidak boleh diasingkan dengan orang Melayu dan UMNO.

Muhyiddin terpaksa berusaha merapatkan semula hubungan anggota-anggota UMNO di semua peringkat dan dalam masa yang sama mahu meneruskan pembangunan negeri itu sebagai menyambung tugas yang

sudah dimulakan oleh Menteri Besar-menteri besar te:dahulu daripadanya.

Belum sempat sesuatu dibuktikan, tahun 1987 membawa kepada 'pertarungan pengaruh' Razaleigh-Musa dengan Mahathir-Ghafaryang lebih dikenali dengan team A dan team B. Muhyiddin berada di dalam keadaan yang amat sulit kerana beliau jelas mempertahankan prinsipnya untuk menyokong pucuk pimpinan tetapi politik Johor waktu itu menongkah arus.

Beliau menjadi tidak popular kerana sebagai anak Johor beliau dikehendaki oleh sebahagian besar anggota UMNO supaya berada bersama-sama kem Razaleigh-Musa dan bukan kem Mahathir-Ghafar. Namun demikian, Muhyiddin bukan budak hingusan yang makan ugutan dan beliau sanggup untuk hilang segala-galanya kerana mempertahankan prinsip perjuangan dan tidak sesekali menongkah arus.

Dalam kepayahan itu, Muhyiddin sekali lagi menghadapi gelora yang amat pedih dengan perletakkan jawatan Datuk Shahrir Abdul Samad tahun 1988 sebagai Ahli Parlimen Johor Bahru dan kemudiannya bertanding sebagai calon Bebas.

Tahun-tahun pedih ini berturut-turut sejak Muhyiddin menjadi Menteri Besar hingga menyebabkan beliau terpaksa merombak barisan exconya dan melantik muka-muka baru bagi menguatkan jentera pentadbiran peringkat negeri.

Sebagaimana yang diketahui, beliau merupakan seorang pemimpin yang amat kurang bermain politik sebaliknya menumpukan perhatiannya terhadap pembangunan negeri dan usaha peningkatan ekonomi rakyat.

Itulah salah satu sebab mengapa beliau tidak begitu digemari oleh 'orang-orang politik' kerana mereka berpendapat bahawa Muhyiddin tidak memperdulikan mereka.

Suatu hal yang diketahui oleh kalangan-kalangan aktivis politik terhadap diri Muhyiddin ialah beliau ikhlas dan tidak berhajat menjatuhkan sesiapa di dalam politik tetapi pura-pura tidak diketahui oleh golongan ini kerana kepentingan-kepentingan tertentu.

Sebagai Menteri Besar beliau sering dikunjungi oleh orang-orang politik dengan tujuan masing-masing dan kesempatan itu mereka gunakan untuk memburuk-burukkan seseorang kononnya ada usaha memburuk kepimpinan Menteri Besar. Malangnya Muhyiddin tidak akan melayan tohmahan-tohmahan seumpama ini baginya, tanggungjawabnya sebagai Menteri Besar masih banyak untuk dilaksanakan dan tidak cukup masa untuk melayan segala bentuk permaian politik seumpama itu.

Lawatan-lawatan pembangunan yang beliau lakukan mengikut kawasan-kawasan Parlimen dibuat berturut-turut bersama-sama exco-exco dan ketua-ketua jabatan untuk diambil tindakan susulan segera

menyebabkan ada pihak-pihak mendakwa Muhyiddin telah melakukan satu kesilapan politik yang nyata kerana membuat lawatan tidak mengikut masa.

Bagimereka lawatan pembangunan hendaklah dibuat ketika musim-musim pilihanraya hampir tiba kerana dengan jalan itu sahaja kerajaan akan dapat memancing undi. Itulah sebabnya langkah Muhyiddin membangunkan Johor bukan sahaja tidak mendapat sokongan malahan dikecam hebat oleh mereka yang seronok 'mempolitikkan' pengagihan projek.

Berbeza dengan Muhyiddin, beliau mahu agenda pembangunan dan perpaduan rakyat dijalankan terus tanpa melihat fahaman politik ataupun menjelang musim pilihanraya.

Tidak hairanlah usaha beliau menganjurkan Perhimpunan Melayu Johor (PMJ) dikecam oleh orang-orang politik yang tidak seronok dengan langkah tersebut. Mereka berpendapat Muhyiddin terlalu 'menyanjung Musa' hingga menyebabkan terpaksa membuat suatu majlis besar-besaran untuk membawa bekas Timbalan Presiden UMNO itu ke dalam UMNO semula.

Namun demikian dengan penyertaan semula Musa, Shahrir, Haji Hamdan Yahya dan beberapa orang lagi ke dalam UMNO telah menjadikan UMNO Johor tenang kembali walaupun belum sampai ke tahap maksimum kekuatan sebenarnya.

Seperti di dalam buku saya yang terdahulu saya

*berpendapat ... politik itu tafsiran. Makanya, setiap patah perkataan yang keluar dan tindak-tanduk seseorang tokoh akan diterjemahkan dari pelbagai sudut.*

Mengapa Muhyiddin Tidak Popular ini saya buat bukan kerana mahumengampu sesiapa atau berniat untuk menjatuhkan seseorang sebaliknya dengan hasrat ingin melihat kegemilangan UMNO Johor dan Malaysia amnya berulang. Lagipun, selama ini saya banyak menulis mengenai politik Johor dan tidak ada salahnya kali ini saya tumpukan perhatian itu khusus mengenai perkembangan politik dari sudut politik itu sendiri.

Saya lihat secara positif bahawa kepimpinan Muhyiddin memerlukan sokongan dan beliau tidak wajar untuk merayu sokongan sesiapa kerana parapenyokonglah (pemimpin UMNO di semua peringkat) yang sepatutnya dapat menilai qualiti yang ada pada diri anak seorang guru agama dari Muar ini.

*Naib Presiden UMNO:*

# **Sebab Muhyiddin Gagal**



MUHYIDDIN dengan Tok Mat. Seorang pemimpin lama dan seorang lagi muka baru. Sepuluh ikan cencaru tak kan sama seekor ikan gelama. Sepuluh yang baru tak kan sama dengan yang lama. Namun demikian, kedua-duanya kenal hati budi masing-masing. Muhyiddin tak marahkan Tok Mat walaupun ada orang-orang yang menyampaikan kononnya Tok Mat tak sukaan Muhyiddin.

**TAN SRI** Haji Muhyiddin Mohd Yassin sebelum ini disebut-sebut sebagai calon terbaik untuk bertanding jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO untuk berhadapan dengan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak di dalam pertandingan tahun 1988.

Namun demikian, disebabkan UMNO diputuskan oleh mahkamah sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah di sisi undang-undang maka kelahiran UMNO (baru) tidak menghalalkan pertandingan bagi jawatan ketua pemuda menyebabkan impian itu berlalu begitu sahaja.

Tiba-tiba menjelang tahun 1990, beliau yang mempunyai rekod bersih di dalam karier politiknya mendapat 25 pencalonan daripada hujung bahagian-bahagian di seluruh negara untuk jawatan Naib Presiden UMNO. Ini merupakan pencalonan kedua terbanyak selepas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Muhyiddin sebenarnya bukanlah terlalu berambisi untuk ke hadapan di dalam kiri kepimpinan UMNO tetapi berdasarkan permintaan (percalonan) ramai, maka beliau membuat keputusan untuk menawarkan khidmatnya.

Bersama-sama beliau melahirkan hasrat untuk bertanding termasuklah Menteri Besar (MB) Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob, MB Selangor, Tan Sri Datuk Muhammad Muhd. Taib dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar.

Namun demikian mereka semua menarik diri sebaliknya tiga pemimpin termasuk Muhyiddin, Datuk

Seri Sanusi Junid dan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik meneruskan hasrat bertanding.

Kegagalan Muhyiddin memang tidak diduga kerana beliau dikatakan tidak menghadapi laluan sukar untuk mendapat sokongan sebaliknya permainan 'orang-orang Johor' menyebabkan beliau tewas di dalam perlumbaan pertamanya itu.

Suka atau tidak hakikat yang harus diakui ialah beberapa bekas menteri dari Johor membuka bilik gerakan sendiri-sendiribukan untuk mengatur strategi berkempen untuk kemenangan mereka sebaliknya berusaha untuk mengurangkan undi yang bakal dikutip oleh Muhyiddin.

Bekas-bekas menteri itu, walaupun ada yang bersama-sama (dua ataupun tiga orang membuka sebuah bilik gerakan) bekerja keras memastikan MB Johor tidak akan terpilih. Ada juga bekas menteri yang bekerja sendirian dengan tujuan yang sama.

Mereka bukan dari satu kem tetapi masing-masing berhasrat untuk menyulitkan laluan Muhyiddin.

Alasan utama ialah mahu membala dendam kerana mereka berpendapat permainan Muhyiddinlah yang menyebabkan dirinya tidak bertanding lagi dan seterusnya tidak terpilih menjadi menteri.

Kedua, mereka bimbang jika Muhyiddin terpilih, semakin sukarlah Datuk Musa Hitam membuat *come back*.

Lain-lain alasan yang kecil-kecil seperti pemuda tidak menolong berkempen sudah diketahui umum kerana

pemuda Johor sendiri dalam dilema kepimpinan disebabkan faktor kewangan.

Lagipun kalau pemuda Johor membantu berkempen sekalipun tidak ada kesannya kerana terbukti calon-calon pemuda sendiri tewas di dalam usaha mengekalkan kedudukan di dalam barisan exco.

Orang-orang Anwar yang bergerak membawa nama Muhyiddin juga hanya berlaku sekerat jalan disebabkan mereka bimbang akan merosotnya pengaruh Anwar jika mereka hanya membawa nama Muhyiddin sedangkan nama-nama Khalil, Mat Taib dan Rahim dicicirkan.

Ketua Pemuda Johor, Nasir Safar kecil hati dengan Muhyiddin ketika kempen sedang berjalan kerana menurutnya MB tidak 'hulur' apa-apa untuknya membantu berkempen.

Beliau secara terang-terang tidak meneruskan kerja itu, walaupun beliau mengakui terus mahu membantu MB sebaliknya membuat kerja-kerja lain yang tidak memberi apa-apa faedah kepada Muhyiddin.

Ada pendapat pula yang mengatakan Muhyiddin seorang pemimpin yang tidak baik 'pr'nya. Beliau dikatakan susah senyum dan jauh sekali mahu bergurau senda seperti lain-lain pemimpin.

Mulalah mereka membandingkan antara Anwar, Pak Lah dan Sanusi yang lebih baik 'pr'nya jika dibandingkan dengan MB Johor ini. Sama ada benar atau tidak kenyataan ini, rakyat dan audien politik boleh menilaikannya.

Namun demikian, pegangan Muhyiddin agak berbeda daripada lain-lain *politician* di Malaysia kerana 'pr' memang diakui boleh memberi markah kepada seseorang.

Tidak hairanlah kalau ada pemimpin yang sanggup berpura-pura demi mencari satu undi bagi membantunya kekal di dalam hireki kepimpinan negara ini.

Pendapat kalangan bijak pandai pula mengatakan Muhyiddin cuba membawa satu pembaharuan politik di negara ini dengan memberi rakyat menilai kerja pemimpin dan bukan menilai 'pr' sahaja tanpa berbuat sesuatu untuk membangunkan masyarakat.

Pendapat kalangan bijak pandai pula mengatakan Muhyiddin cuba membawa satu pembaharuan politik di negara ini dengan memberi rakyat menilai kerja pemimpin dan bukan menilai 'pr' sahaja tanpa berbuat sesuatu untuk membangunkan masyarakat.

Kerja-kerja yang dilaksanakan bukan kecil pulangannya kepada orang-orang Melayu termasuk di dalam menkorporatkan PKENJ dan sebagainya dengan hasrat sebahagian besar orang-orang Melayu boleh menikmati faedah dan ganjarannya dan sebahagian besar yang lain pula mestilah boleh belajar daripada apa yang beliau buat di Johor untuk diperaktikkan di negeri-negeri lain.

Hasrat beliau itu rupa-rupanya tidak dipedulikan oleh orang-orang Melayu sebaliknya beliau masih mahu disamakan dengan lain-lain *politician* cukup sekadar pandai

senyum, tepuk-tepuk belakang ataupun bergurau senda sambil ketawa berdekah-dekah bagi mendapatkan undi mudah.

Hari ini Johor lebih terkehadapan dari lain-lain negeri didalam usaha meningkatkan hasil pendapatan dari sektor perlancungan. Tetapi tidak langsung ada penghargaan dari kerajaan pusat terhadap kejayaan ini.

Begitu juga dengan 'projek Nusa Tiga' antara Johor, Batam dan Singapura seolah-olah tidak mendapat restu daripada kerajaan pusat sedangkan berkali-kali Muhyiddin merayu agar kerajaan pusat memberi sedikit kelonggaran kepada kerajaan negeri di bawah pimpinannya untuk melaksanakan program-program Nusa Tiga.

Muhyiddin seperti dianak tirikan oleh kerajaan pusat dan tidak hairanlah beberapa kali Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membatakan siri lawatannya ke Johor sedangkan sambutan besar-besaran sudah dibuat untuk menyambut kedatangannya.

Perlancaran Johor 2005 turut tidak dihadiri oleh Dr. Mahathir padahal kad-kad jemputan yang bercetak namanya sudah diedarkan kepada para jemputan.

Majlis-majlis ulangtahun RMJ di Pontian dan Perjumpaan Presiden UMNO dengan para pemimpin bahagian di Dewan Mawar Johor Bahru turut dimungkiri menyebabkan pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan Muhyiddin mengesahkan kerenggangan hubungan Dr. Mahathir-Muhyiddin dan sahlah Muhyiddin adalah MB

yang seolah-olah anak tiri kepada kepimpinan pusat.

Namun demikian Anwar sangat sayangkan Muhyiddin. Bagi pendapat sesetengah pihak, jika Anwar Perdana Menteri (PM) suatu waktu nanti, Muhyiddin adalah timbalannya. Jika tidak pun, sekurang-kuragnya Muhyiddin bakal menteri kanan jika Anwar berpeluang ke kerusi PM.

Faktor wakil-wakil rakyat yang baru sekali dipilih di dalam pilihanraya umum 1990 di Johor tidak membantu Muhyiddin boleh juga diambil kira. Kebanyakkan wakil-wakil rakyat ini belum begitu terdedah dan tidak dikenali di peringkat naional adalah alasan jelas mengapa undi Muhyiddin tidak mampu meletakkan beliau di kerusi Naib Presiden.

Ini bukanlah tewas di dalam peperangan besar kerana masa depan Muhyiddin tidak segelap yang disangka. Keikhlasan beliau akan terbukti dengan rahmat Allah, suatu hari kelak beliau akan ke hadapan di dalam hiruk-pikuk kepimpinan UMNO.

Ini jelas dilihat jika beliau tidak mudah *give up* di dalam perjuangan. Tewas sekali di dalam pertempuran bukan bermakna beliau akan terus menerus tewas di dalam peperangan-peperangan yang bakal beliau tempuh.

Cuma, beliau seharusnya menamatkan khidmat beberapa orang tertentu yang bekerja di sekelilingnya yang terus menerus membelasahnya tanpa belas kasihan. Muhyiddin juga seharusnya tidak harus 'pasif' di dalam

politik kerana politik itu memerlukan sesuatu yang menyerupai permainan'. Biasanya jika kita terlalu 'lurus', maka kita sering diperkenakan oleh orang lain tetapi ini tidak bermakna beliau harus 'mempermudah orang lain' pula untuk berjaya di dalam politik.

Beliau pernah menjadi Exco Pergerakan Pemuda UMNO sewaktu Anwar menjadi ketuanya dan popularitinya tidak kurang hebat jika dibandingkan dengan lain-lain calon.

Pesan seorang ahli politik veteran yang enggan namanya dirakamkan kepada Muhyiddin... anak muda ini akan lebih berjaya jika beliau mempunyai strategi politik tetapi akan menjadi malap jika terlalu asyik bekerja tanpa menghiraukan politik.

Dalam buku saya UMNO PAS Realiti & Maruah Wartawan Politik muka surat 95/bab 11 dalam tajuk Perlukah Musa Aktif Politik, dengan panjang lebar saya menulis, wakil-wakil rakyat (termasuk menteri) yang digugurkan dari senarai calon-calon pilihanraya merajuk dan mengambil sikap memboikot Muhyiddin.

Ini mereka lakukan secara terang-terang bagi yang berani dan ada yang melakukannya secara senyap-senyap untuk terus mencari makan dengan MB.

Jemputan MB selaku Pengurus Perhubungan UMNO Negeri tidak dihadiri sebaliknya mereka lebih berminat ke majlis-majlis jamuan tokoh-tokoh besar yang lain dengan tujuan 'tertentu' yang hanya mereka sahaja yang

mengetahuinya.

Halaman 97 babyang sama, saya menulis... Muhyiddin mestilah mendapatkan sokongan daripada Datuk Shahrir Abdul Samad dan Datuk Ajib Ahmad jika beliau mahu bertanding semula dan Datuk Musa pula juga mestilah mendapatkan sokongan daripada Muhyiddin jika mahu membuat *comeback* kerana peluang untuk menang secara *lone ranger* agak mustahil sekarang, setelah *scenerio* politik UMNO berubah.

Bolehkah ini dikira sebagai alasan menyebabkan Muhyiddin gagal rebut jawatan Naib Presiden UMNO?

# Mengapa Nasir Safar Melenting



NASIR... Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pontian dan Ahli Dewan Undangan Negeri Katwasan Pulai Sebatang. Seorang Ahli pidato terkemuka di Johor yang pernah lahir selepas Allahyarham Dato' Onn Jaafar, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tun Sardon Jubir dan Haji Ikhwan Nasir.

**NASIR SAFAR** dilahirkan pada 26 April 1949 dan anak jati Johor yang menanam cita-cita untuk melihat bangsa Melayu menjadi bangsa berwibawa di tanahair sendiri. Olehitu, jika bercakap mengenai perjuangan bangsa, beliau tidak sanggup melihat bangsanya menjadi penumpang di negara sendiri.

Beliau tidak mendapat pendidikan tinggi tetapi bakat kepimpinannya terserlah sebaik sahaja beliau aktif di dalam UMNO di Cawangan Parit Selangor, Pontian dan menjadi ketua di cawangan itu. Beliau pernah menjadi AJK Pergerakan Pemuda UMNO di Bahagian di bawah tokoh pemuda yang terkemuka, Haji Mohd Zait Siraj.

Sebaik sahaja UMNO dipulihkan, Nasir dikekalkan sebagai Ketua Penaja Pergerakan Pemuda dan dilantik menjadi Naib Ketua Pemuda Negeri manakala ketuanya waktu itu ialah Haji Muntaha Kailan, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Muar.

Apabila Muntaha mengundurkan diri atas alasan usia yang mencukupi 40 tahun sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan, Nasir muncul sebagai Ketua Pemuda Negeri yang terkenal kerana kelantangannya membuat kenyataan-kenyataan akhbar.

Namun demikian, apabila beliau terpilih bertanding di Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulai Sebatang di dalam pilihanraya umum 1990, Nasir menjadi seorang yang pendiam dan sering membawa isu bahawa beliau sebenarnya bertanding bukan atas kehendak Muhyiddin

tetapi atas desakan Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Secara kebetulan, saya berada bersama-sama Nasir di saat-saat akhir sebelum bermulanya pilihanraya umum 1990 maka dapatlah saya mencatat sesuatu di sini berdasarkan pemerhatian sendiri.

Nasir tidak boleh menuduh Muhyiddin tidak memilihnya kerana mustahil beliau boleh mengetahui sama ada dipilih ataupun tidak sebelum nama-nama calon diumumkan. Usaha Nasir memanggil mesyuarat khas Jawatankuasa Pemuda Negeri dan mengecam kepimpinan Muhyiddin adalah tindakan tidak warasmalah kebudak-budakan.

Pergerakan Pemuda Negeri dibawah pimpinan Nasir sebenarnya mencatatkan sejarah hitam kerana asyik memperjuangkan nasib ketuanya agar menjadi wakil rakyat bagi mempertahankan tradisi bahawa ketua pemuda mestilah seorang wakil rakyat.

Dalam mesyuarat khas itu, pelbagai kecaman diutarakan antaranya adaseorang ketua pemuda bahagian menggelarkan Muhyiddin sebagai pemimpin dalam dua muka dan macam-macam lagi. Satu memorandum dihantar kepada MB menuntut pemuda diberikan kerusi wakil rakyat.

Gelaran YB menyeronokkan pemuda UMNO tetapi mereka lupa bahawa tanpa sebarang gelaran pun pemuda boleh membuktikan taringnya.

Dalam masa yang sama Muntaha terpilih bertanding di Kawasan Dewan Undangan Negeri Parit Jawa manakala Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kota Tinggi, Mohamadun Abu Bakar terpilih bertanding di Sedili.

Tanpa berfikir panjang, pemuda-pemuda negeri bermesyuarat untuk menuntut kerusi dan itulah sebenarnya perjuangan pemuda untuk meminta kerusi dan bukan mempertahankan maruah bangsa seperti yang dihasratkan oleh Nasir seperti katanya di dalam **buku tulisan Yusof Harun, UMNO Selepas Mahathir**.

Nasir ke sana sini menghentam Muhyiddin yang dikatakan tidak mengiktiraf kerja-kerja yang sudah dilakukan oleh Pemuda UMNO Negeri dan dengan sinis Nasir seolah-olah mengugut untuk berbuat sesuatu jika tidak terpilih kelak.

Sehingga hari ini pun Nasir masih lagi menjaya secara murah bahawa Muhyiddin tidak menolong apa-apa kepadanya dan sering mengulangi kata-kata lamanya bahawa kerusi wakil rakyat yang dinikmatinya sekarang adalah kerana jasa Najib bukan Muhyiddin.

Kehebatan beliau berpidato bukan digunakan untuk mengucapkan terima kasih kepada MB yang menolongnya tetapi menghentam kepimpinan MB secara belakang-belakang dan di dalam Konvensyen UMNO Johor baru-baru ini beliau mewakili Pemuda UMNO Negeri sekali lagi mengugut Muhyiddin, kononnya mahu berbuat sesuatu untuk mencari kesalahan kepimpinan Muhyiddin

di peringkat negeri.

Kualiti yang diperjuangkan oleh Ketua Pemuda, Najib Tun Razak tidak sampai ke Pergerakan Pemuda UMNO Johor. Lihat isi wawancara Najib di dalam *Mastika* keluaran Julai 1989, beliau berkata menjelang tahun 2000, pemuda akan cuba membina satu generasi pemuda Melayu baru yang lebih dinamik dan lebih bersedia, berdaya maju dan berdayasaing lebih untuk menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks.

Jika beginilah sikap Pemuda UMNO Johor, sampaikah hasrat Najib untuk melihat generasi pemuda Melayu baru yang diidam-idamkan. Latihan-latihan pengkaderan yang dibuat sebenarnya bukan digunakan untuk membantu kepimpinan negeri dan pusat menghadapi pelbagai tohmahan pihak-pihak luar yang sering mencemburui kejayaan negara ini sebaliknya digunakan untuk mengejar pangkat dan kemewahan diri sendiri dengan terus menerus memburuk-burukkan kepimpinan negeri sendiri.

Lebih menghairankan kepimpinan Muhyiddin mendapat sokongan erat dan kerjasama daripada MIC, MCA, Gerakan dan lain-lain parti komponen tetapi bermasalah dengan sayap parti sendiri yang lebih merupakan 'anak lelaki' kepadanya.

Sungutan Pergerakan Pemuda UMNO terhadap Muhyiddin bukan baru sebenarnya. Mereka sudah lama menjalankan kerja-kerja memburuk-burukkan imej MB ini namun demikian, apabila ada mana-mana pihak yang

menyampaikannya kepada Muhyiddin, sebagai seorang 'bapa' beliau tidak pernah menerimanya secara membuta tuli tanpa sebarang siasatan.

Itulah sebabnya beliau meluahkan perasaannya dengan mengulangi kata-kata bekas Timbalan Presiden UMNO supaya Pergerakan Pemuda tidak dilanda sindrom bisu. Beliau belum dan tidak pernah menegur ataupun mengusik Pergerakan Pemuda dan apabila sekali dilakukannya, beliau seolah-olah melakukan satu kesilapan besar hingga menyebabkan pemuda melenting.

Benarkah Pergerakan Pemuda melenting? Atau hanya Nasir Safar sahaja yang melenting?

Media Islam keluaran Oktober 1992 lalu melaporkan bahawa Nasir menyerahkan nasibnya kepada Allah SWT di dalam menentukan kedudukannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Pulai Sebatang ekoran tindakannya mengkritik Muhyiddin.

Kenyataan itu merupakan kenyataan kebudak-budakan kerana prestasi kerjanya sebagai wakil rakyat lebih bermakna daripada sekali kenyataan mengkritik kepimpinan. Lagipun beliau tidak perlu gusar dengan nasibnya kerana Muhyiddin tidak seburuk yang disangka. Beliau tidak mungkin bertindak mengikut nafsunya sebaliknya jika Nasir gagal membuktikan kerja-kerja yang sewajarnya dilakukannya, mungkin beliau wajib berundur dan diberikan kepada orang lain tempat itu untuk meneruskan kerja-kerja mengisi kemerdekaan tanahair.

Sebagai MB Muhyiddin bukan tidak boleh dikritik malahan beliau sentiasa minta ditegur jika melakukan kesilapan sebaliknya, beliau bukan sahaja tidak ditegur malahan beliau terpaksa pula menegur pihak-pihak yang sepatutnya mempunyai tanggungjawab bersama membangunkan negeri.

Muhyiddin walaupun bertubuh kecil tetapi mempunyai jiwa pembangunan yang besar. Pembangunan yang dibawanya bukan berupa material sahaja sebaliknya pembangunan ummah juga ditekankan. Lihatlah sahaja kemajuan ekonomi negeri di bawah kepimpinan Muhyiddin tidak boleh dinafikan.

Nasir sepatutnya belajar daripada kejayaan-kejayaan Johor untuk dilaksanakan di kawasan yang beliau wakili. Beliau bukan sahaja harus berbangga dengan kejayaan menjadi wakil rakyat, sebaliknya beliau harus sedar bahawa krisis-krisisnya dengan pemuda-pemuda di cawangan-cawangan boleh dibayar dengan idea dan kesungguhan mereka berjuang membela nasib rakyat yang diwakilinya.

Sambutan kepada kejayaannya bukan dengan iringan bunga manggar ataupun paluan kompong tetapi melihat paluan kompong dan bunga manggar mengiringi kejayaan kanak-kanak lulus dengan cemerlang di dalam peperiksaan di kawasan yang diwakilinya lebih memberi erti kepada perjuangan sebenar.

Kejayaan-kejayaan Nasir menghimpunkan Pemuda UMNO untuk menyambut Ketua Pemuda bukan ukuran

kejayaan dalam semua bidang tetapi kejayaan menghimpunkan Pemuda untuk melaksanakan tugas menyumbang idea di dalam membangunkan masyarakat lebih bermakna dan bertepatan dengan kata-kata Bung Sukarno, berikan aku sepuluh pemuda yang kuat semangatnya, maka aku akan mampu menggegarkan dunia.

Satu perkara besar yang Pergerakan Pemuda UMNO Johor perlu tahu ialah mereka tidak harus sensitif apabila ditegur kerana adalah lebih baik baginya ditegur oleh Muhyiddin daripada ditegur oleh Dr. Mahathir.

Lagipun, raja-raja sekalipun boleh ditegur (lihat Berita Harian 10hb November 1991 di muka pertama), Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba sendiri mengesahkan bahawa tidak salah menegur Raja-raja dan pendapatnya itu disokong oleh Naib Presiden, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Anggota Majlis Tertinggi, Datuk Syed Hamid Albar.

Adakah taraf Pergerakan Pemuda UMNO Johor di bawah pimpinan Raden Basiron Raden Said (juga Ketua Pemuda Teberau) lebih tinggi daripada taraf Raja-raja hingga tidak boleh ditegur langsung dan dikritik.

Apakah strategi Pergerakan Pemuda Negeri melantik Nasir menjadi jurucakap seolah-oleh seekor burung kakak tua yang tidak tahu maksud percakapan sendiri.

Malang bagi Najib dan Muhyiddin yang menyetujui perlantikan Ketua Pemuda Negeri daripada calon yang

tewas di dalam pertandingan merebut jawatan exco. Hari ini, Pergerakan Pemuda sudah mula tertanya-tanya mengapa Sulaiman Haji Taha (Ketua Pemuda Labis) enggan menerima cadangan perlantikannya sebagai Ketua Pemuda Negeri.

Kursus-kursusbina semangat dan pengkaderan seperti yang dicakapkan oleh Najib seharusnya dititik beratkan perkara-perkara yang membuatkan para pemimpin muda kuat membaca dan tahu sejarah negara selain daripada diajar cara-cara berpidato berapi-api sedangkan isinya kosong.

Bukankah membaca itu ibarat satu pengembalaan yang mampu menambah pengalaman.

# Pemuda Sudah Naik Tocang



NAJIB...Saya tak kisah kalau ada orang hendak lawan saya sebab selama ini pun saya belum pernah diuji. Tapi, saya akan pastikan sesiapa yang lawan saya, saya akan dendam sampai bila-bila... mungkin itu yang Najib bersikeras buat dia tak boleh seakan semata-mata anehnya mendengar Muhyiddin mengacahnya.

DALAM tulisan-tulisan yang terdahulu, saya berkali-kali menegur sikap pemuda UMNO yang tidak boleh ditegur oleh para pemimpin UMNO sendiri. Malangnya apabila Pergerakan Pemuda MCA menulis sebuah buku mengenai kegagalan Melayu di dalam pelbagai perjuangan, tiada siapa dari Pergerakan Pemuda UMNO bangkit menjawab tuduhan dan kejadian yang dilemparkan kepada mereka.

Lihat buku Chan Tze Yuen (Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda MCA) yang berjudul *Melayu Gagal?* Secara terang-terang beliau membidas orang-orang Melayu yang dianggapnya sebagai kolot dan pemalas berbanding dengan orang-orang Cina yang lebih awal keluar rumah dari lalat bangkit tidur dan pulang ke rumah lebih lewat daripada lalat tidur.

Hari ini apabila pemuda mengecam teguran-teguran ikhlas daripada pemimpin atasan membuktikan mereka sudah naik tocang. Mereka merasakan mereka tidak perlu ditegur, sudah pandai merancang dan bertindak sendiri-sendiri tanpa tunjuk ajar daripada barisan pemimpin veteran.

Pemuda jangan terlalu sibuk menghantar memorandum dan di dalam masa yang sama melantik ahli-ahli yang muflis menduduki kerusi Ahli Jawatankuasa Biro masing-masing. Tindakan seumpama ini amat memalukan kerana ada di antara jawatankuasa biro itu membuat kerja mencaci cerca pemimpin UMNO mengikut seleranya sendiri.

Dia bukan sahaja mengukur berapa seseorang pemimpin itu berikan imbuhan kepadanya sebaliknya memakan upah daripada mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan pihak yang satu lagi. Genjala ini perlu dibendung kerana budaya yang diamalkan itu tidak sesuai dengan budaya UMNO.

Amat memalukan apabila Anggota Parlimen Arau, Encik Shahidan Kassim terpaksa berucap di Parlimen menegur perbuatan seorang 'jurucakap' tidak rasmi UMNO yang mempunyai jawatan di dalam biro pemuda UMNO mengecam seseorang secara membata tuli dan tindak-tanduknya menyerupai perbuatan seorang penulis surat layang yang terus menerus mengecam pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri sendiri.

'Jurucakap' ini juga dikatakan mendapat restu UMNO mewakili pemuda UMNO ke Universiti berhadapan dengan pelajar-pelajaryang melambangkan tidak seriusnya UMNO menghadapi isu-isu semasa.

Kata Shahidan, penulis surat layang upahan ini menerima RM200 sebulan untuk tugasnya menulis dan menyebarkan surat layang. Alangkah murahnya harga penulis itu yang memegang jawatan dalam biro pemuda UMNO yang dipengerusikan oleh seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Sepatutnya Pergerakan Pemuda memerhatikan perkara ini dengan serius kerana ini salah satu bencana yang akan menimpa UMNO di tahun-tahun akan datang.

Jangan anggap perkara ini kecil kerana usaha-usaha memalukan UMNO terus menerus dilaksanakan oleh pihak-pihak yang cemburu kepada kejayaan UMNO.

Tugas dan tanggungjawab Pemuda UMNO sebenarnya untuk menguatkan parti. Dr. Mahathir ketika menjadi Timbalan Presiden UMNO, dalam ucapan perasmian Persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO dalam tahun 1976 pernah menegur Pergerakan Pemuda yang disifatkannya sebagai *slow*.

Musa juga pernah menegur pemuda dan diulangi teguran itu oleh Muhyiddin. Baru-baru ini, Setiausaha Agung UMNO, juga menegur pemuda yang keterlaluan bermiaga hingga melupakan terus perjuangan asal pemuda.

Oleh itu, pemuda bukan sekali ditegur sebaliknya sudah acap kali dan ditegur oleh para pemimpin atasan sendiri termasuklah Timbalan Presiden mahukan Setiausaha Agung UMNO itu sendiri.

Tidak ada gunanya jika bertindak secara emosional kerana pemuda walaupun usianya muda tetapi perlu bertindak dengan kematangan kerana mereka adalah bakal pemimpin masa depan.

Muhyiddin tidak menegur pemuda sebenarnya tetapi hanya mengingatkan kepada para pemimpin pemuda bahawa amanah Musa itu akan menjadi kenyataan jika pemuda tidak memberikan perhatian serius.

Dan jika Muhyiddin tidak menegur, mengapa pemuda harus menjerit dan memanggil mesyuarat tergempar untuk

membincangkan perkara itu? Ini bermakna pemuda tidak boleh ditegur, dikritik ataupun diusik kerana mereka merasakan diri mereka sudah sempurna dan tidak pernah melakukan sebarang kesilapan.

Lagipun sebagai golongan muda tidak ada salahnya jika golongan tua menegur. Jika bukan orang tua lebih pandai tetapi sekurang-kurangnya mereka luas pengalaman dan lebih dahulu makan garam. Tidakkah hakikat ini diterima secara rasionalnya oleh para pemimpin muda hari ini?

Lupakah kita kepada kata-kata Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman bahawa supaya jangan wujud parti dalam parti yang ditujukan khas kepada pemuda yang keterlaluandidalamtindaktanduknya. Walaupun teguran itu disebabkan sikap keterlaluantetapiiajuga merupakan teguran kepada pemuda yang tidak boleh diambil sebagai 'terlalu peribadi'.

Pergerakan Pemuda UMNO jangan sampai senasib dengan apa yang menimpa parti di peringkat negeri Kelantan. Apabila UMNO sudah tidak berkuasa, rombongan pemuda negeri tidak sanggup diterima oleh Menteri Besar (lihat Media Islam 1 November 1992 muka surat 4).

Ini berbeza dengan Muhyiddin, selepas beliau 'mengingatkan' pemuda, beliau masih sanggup mendengar kecaman, kritikan malahan ugutan terhadapnya yang dilemparkan oleh pemuda. Malahan kunjungan pemuda

ke pejabatnya pada 14 Oktober 1992 lalu disambut dengan manis muka olehnya dan seterusnya mengadakan perbincangan secara hati ke hati dengan pemimpin pemuda bahagian.

Oleh itu soal cantas tidak timbul sama sekali kerana belum pernah Muhyiddin mencipta rekod menjadi 'pemimpin cantas' yang terkenal di negara ini. Tuduhan, prasangka dan syak tidak harus ada di dada anak-anak muda negara ini.

Dalam kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Nasir sama ada secara sedar ataupun tidak, beliau tidak seharusnya melebarkan isu ini ke seluruh negara kerana membabitkan pemuda-pemuda dari lain-lain negeri adalah usaha 'orang-orang penakut' sahaja.

Walaupun Muhyiddin menegur Najib tidak bermakna Muhyiddin mahu mengadu-dumba pemuda. Begitu juga dengan Najib, jika beliau menegur atas sifatnya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda, bukanlah niatnya mahu melihat sesuatu itu bertambah buruk jadinya sebaliknya ia mahu diselesaikan secara baik.

Tegur menegur adalah lumrah. Oleh itu Nasir atau mana-mana pemimpin pemuda tidak harus melatah, melenting ataupun bertindak melulu kerana agama Islam itu sendiri menganjurkan ingat-mengingati antara satu sama lain. Soalnya ia dibuat di tempat terbuka ataupun tertutup tidak penting kerana setiap kejadian itu ada hikmahnya tersendiri.

Pergerakan Pemuda dibawah pimpinan Nasir memang agak lantang bersuara. Seringkali beliau tampil untuk membela kepimpinan sama ada di peringkat negeri maupun peringkat pusat. Malangnya, apabila beliau meninggalkan kerusi itu, pemuda hanya sekali sahaja mendapat liputan berita besar sempena Majlis Makan Malam Perdana anjuran Pergerakan Pemuda Negeri.

Malangnya, rumah sudah siap, pahat masih berbunyi. Rahsia kutipanderma sempena jamuan itu tidak digunakan secara mengikut aturan diketahui ramai. Ketua Pemuda Negeri, Basiron mendiamkan diri dan dikatakan mengambil cuti menyambung pelajaran. Bendahari Pemuda pula, Bani Abdul Rajak 'dicutikan' bertujuan mereda keadaan dan tugasnya dijalankan oleh Kamal Abdul Rahman (Ketua Pemuda Segamat).

Kudis ini tidak sahaja menyakitkan keseluruhan Pergerakan Pemuda Negeri sebaliknya menjadikan pemuda dilanda Sindrom bisu pula kerana mereka mungkin malu disebabkan kudis-kudis yang melata di seluruh tubuh.

Sindrom hulur mungkin melanda Pergerakan Pemuda Negeri jika Nasir terus menerus membandingkan kekayaan yang ada pada Ketua Pergerakan Wanita Negeri, Datuk Paduka Hajah Fatimah Salim, seorang pemimpin veteran yang bukan kecil sumbangannya terhadap kejayaan UMNO di seluruh negara.

Fatimah yang berkawan rapat dengan Dr. Mahathir

bukan *budak baru* dalam arena politik tanahair. Beliau yang mengetuai UMNO Bahagian Sungai Benut sejak bahagian itu wujud merupakan seorang pejuang yang komited dengan UMNO.

Apakah Nasir mahu mengejar kekayaan apabila menyertai UMNO dan lari dari perjuangan asalnya mahu membela bangsanya sendiri. Adakah Nasir akan terus mencanangkan kata-kata bahawa perjuangan tanpa wang tidak akan bererti dan menolak pepatah Jawa yang mengatakan tiada perjuangan tanpa pengorban.

Pemuda UMNO Johor perlu memikirkan perjuangan asal mereka dan mengkaji sejarah sebenar sebelum tergelincir lebih teruk dari landasan. Jika mereka leka dan asyik dengan perangai kebudak-budakkan akhirnya UMNO akan kecundang dan bakal mendapat malu besar.

Hari ini mereka adalah pemimpin pemuda, esok atau lusa mereka akan melepaskan jawatan itu dan jika tauladan ini yang mereka tunjuk dan tinggalkan, Insya Allah suatu hari nanti mereka juga akan menghadapi masalah yang sama dan mungkin lebih teruk lagi kerana ke mana tumpahnya kuah jika bukan ke nasi.

# **MB Terengganu Turut Dikecam**



DR. YUSOF...cemburu orang agama lebih dahsyat daripada cemburu orang biasa. Sebab itulah selain daripada Dr. Yusof tak ada tokoh-tokoh agama yang menonjol di Terengganu. Sebab apa Wan Mokhtar sayang sangat kat Tengku Mahmud tak ada siapa yang tahu tapi ada yang mengatakan Wan Mokhtar tak seronok dengan tokoh-tokoh lain kerana tak pandai jaga hatinya.

TAN SRI Wan Mokhtar Ahmad seorang MB yang sudah terlalu lama berkhidmat di Terengganu. Beliau berkali-kali disebut mahu melepaskan jawatannya itu tetapi dikatakan tidak mendapat perkenan Perdana Menteri disebabkan cabaran-cabaran yang harus ditempuh oleh UMNO/BN Terengganu.

S.H. Alattas di dalam bukunya Memo Kepada Perdana Menteri menulis supaya PM menggantikan Wan Mokhtar dengan MB baru atas alasan sudah terlalu banyak kerosakkan berlaku di negeri Terengganu akibat beliau sudah tidak dapat diterima lagi. Tulisnya lagi,...bahaya di Kelantan boleh membuat kerajaan UMNO di Terengganu kecundang dalam pilihanraya akan datang sekiranya sesuatu yang drastik tidak dilakukan oleh MB baru yang bakal menggantikan orang tua yang sudah tiga penggal(?) menjadi MB. Gantikan dengan orang yang setanding dengan Tok Guru di negeri jiran.

Tahun 1990, Wan Mokhtar tewas di dalam usahanya mengekalkan kedudukan sebagai Naib Presiden UMNO dan tahun-tahun mendatang ini merupakan tahun-tahun yang mengecewakannya lebih-lebih lagi usaha-usaha Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Paduka Raja dan Haji Ibrahim Azmi Hassan amat mengugat kekuatan UMNO/BN di Terengganu selain daripada pengaruh Haji Abdul Hadi Awang, Timbalan Yang Di Pertua Agung Pas di Rusila, Marang.

Sebagai pemimpin peringkat negeri, beliau jelas ada kekuatan untuk berhadapan dengan pembangkang di

dalam pilihanraya tetapi apabila Pergerakan Pemuda UMNO Negeri sendiri menekan kepimpinannya, Wan Mokhtar seolah-olah mencipta rekod buruk diakhir-akhir era kepimpinannya.

Perhimpunan Khas Pergerakan Pemuda UMNO Negeri pada 25 Oktober lalu di Primula Beach Resort dihadiri oleh 500 anggota Pergerakan Pemuda dari seluruh negeri bertujuan menerangkan kepada setiap lapisan kepimpinan pemuda mengapa mereka memboikot konvensyen UMNO Negeri di Pusat Pupuk Semangat, Kemaman pada 23 dan 24 Oktober 1992.

Pemimpin-pemimpin pemuda mengecam kelemahan pentadbiran MB dan menyelar tindak-tanduk Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri, Tengku Mahmud Mansor yang dikatakan sering menggagalkan beberapa kegiatan pemuda selama ini.

Apa tujuan Tengku Mahmud lakukan itu semua? Seorang wartawan yang berasal dari Terengganu ketika ditemui di Bangunan Parlimen memberitahu, Pemuda Negeri dianggap berada di Kem Datuk Dr. Yusof Noor dan tidak sehaluan dengan selera kepimpinan negeri.

Ketua Pemuda Negeri, Idris Yusoh (Besut), Haji Zuber Embong (Kuala Terengganu), Haji Abdul Rahman Bakar (Marang) dan Nazri Salleh (Kemaman) dikatakan antara tokoh-tokoh pemuda yang berucap di Perjumpaan Khas tersebut.

Pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO Bahagian itu

telah memberikan tiga sebab penting mereka mengambil keputusan memboikot konvensyen berkenaan. Pertama kesal dengan sikap Pengurus Perhubungan yang membatalkan rancangan pemuda mahu mengadakan kursus kepimpinan di Langkawi pada 17 hingga 21 Oktober 1992.

Kedua kesal dengan sikap Wan Mokhtar selaku MB kerana enggan melantik wakil-wakil pemuda di dalam pelbagai agensi atau badan-badan tertentu yang ada kaitan dengan kerajaan negeri seperti Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) dan Lembaga Pengarah Primula Hotel.

Ketiga kesal dengan kenyataan Tengku Mahmud yang mengumumkan rombakan barisan Exco Kerajaan Negeri yang dibuat kepada Setiausaha-setiausaha UMNO Bahagian pada 18 September 1992.

Mereka beranggapan kenyataan seumpama ini boleh menimbulkan keresahan dan menyebabkan UMNO berpecah hingga boleh membawa kekalahan di dalam pilihanraya akan datang.

Pergerakan Pemuda seterusnya menghantar memorandum kepada MB dan salinannya kepada Presiden UMNO serta Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk meminta orang-orang tertentu mengundurkan diri dari kedudukan masing-masing atau dilucutkan jawatannya.

Timbalan Pengurus Perhubungan UMNO Negeri, Dr.

Yusof yang dihantar untuk memujuk pemimpin pemuda ini dikatakan tidak berjaya menahan kemarahan tersebut. Namun demikian, MB dipetik sebagai berkata, beliau tidak kesal dengan bantahan tersebut kerana sudah adatnya pemuda mahu mengeluarkan peluh dan beliau tahu formula menjinakkannya nanti.

Beberapa Anggota Exco dan Anggota Parlimen (MP) dikatakan merestui tindakan Pemimpin Pemuda ini namun demikian tidak diketahui siapa yang terlibat secara jelas.

Bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Haji Awang Jabar dikatakan berada di luar negeri ketika konvensyen diadakan. Beliau adalah salah seorang MP yang dikatakan sering ditekan oleh MB khususnya di dalam usahanya untuk kekal sebagai Ketua UMNO Bahagian Dungun.

Datuk Alias Ali, bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama tidak dapat dihubungi untuk mengulas isu ini. Beliau yang juga MP Hulu Terengganu turut disebut-sebut 'kecil hati' dengan MB. Namun demikian, tidak pula diketahui tindakan Datuk Ismail Said, Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (MP Kemaman) di dalam isu ini.

Apapun hujahnya, masalah Pemuda UMNO Negeri dengan MB ialah soal sindrom hulur yang menyentuh soal rezeki. Oleh itu, era kepimpinan pemuda hari ini tidak dapat lari daripada perjuangan 'mencari rezeki' melalui UMNO yang mereka sertai.

Saya tidak berhasrat untuk menghentam Pemuda Negeri ataupun menyindir sesiapa di dalam tulisan ini sebaliknya untuk merekodkan satu genjala tidak sihat sedang melanda UMNO keseluruhannya di dalam menanggani masalah rezeki.

Oleh itu perbandingan jawatan ataupun kedudukan adalah tidak adil jika ianya dibuat kerana kebiasaansahaja.

Dr. Mahathir mempunyai alasan tersendiri mengekalkan Wan Mokhtar sebagai MB Terengganu dan tidak mungkin tanpa sebarang perhitungan beliau mahu menolak permintaan MB untuk bersara dan tidak bertanding lagi di dalam pilihanraya.

Soalnya sudahkah pemimpin-pemimpin pemuda menyediakan barisan pelapis yang mampu untuk berhadapan dengan para pemimpin pembangkang dan mampu memenangi pilihanraya. Misalannya, Zuber adalah tokoh muda yang hebat berpidato dan tinggi ilmu agamanya tetapi beliau tewas di dalam pilihanraya umum 1990 di Parlimen Kuala Terengganu di tangan bekas Menteri Pertanian Datuk Manan Osman (Semangat 46).

Begitu juga dengan Rahman yang bukan kecil peranannya ketika mewakili Parlimen Marang di Dewan Rakyat tetapi gagal mempertahankan kerusinya di tangan Haji Hadi. Ini masalah sebenar di Terengganu, iaitu adakah bakal MB yang dicadangkan boleh memenangi pilihanraya di kawasan yang mereka tandingi.

Dikhawatir mereka bukan sahaja tidak mampu untuk

merasa kerusi MB malahan gagal di dalam usaha mengekalkan kuasa UMNO di negeri itu.

Pergerakan Pemuda UMNO Negeri di bawah pimpinan Idris Yusoh perlu mengatur strategi untuk jangka panjang dan tidak mungkin Wan Mokhtar akan menungkat langit di dalam mengekalkan kuasanya di Terengganu.

Lebih wajar baginya memastikan UMNO boleh bertahan di negeri itu dan dapat mengekalkan suara 2/3 di Dewan Negeri supaya tidak menjadi seperti Pulau Pinang yang gagal di dalam usaha meminda perlumbagaan dan sebagainya.

Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah dalam satu kenyataannya kepada Bernama, kerajaan Pulau Pinang harus membubarkan Dewan Negeri berikutan kegagalannya mendapat kelulusan meminda perlumbagaan negeri untuk menambah tiga kerusi dewan itu.

Katanya, mengikut Konvensyen Sistem Demokrasi Berparlimen, sesebuah kerajaan yang gagal mendapatkan kelulusan apabila meminda perlumbagaan mestilah menyerahkan balik mandat kepada rakyat dengan meletak jawatan dan membubarkan dewan supaya diadakan pemilihan semula. *Berita Harian muka surat 2, 4 November 1992.*

Oleh itu, adalah mustahak dan wajib bagi Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu khususnya yang mempunyai kekuatan amat genting antara pengaruh kerajaan dengan pembangkang. Kini pembangkang mempunyai sembilan

kerusi di Terengganu.

Eloklah diselesaikan masalah titik bengik yang tidak menguntungkan itu sebaliknya menggembeling seluruh tenaga dan kekuatan yang ada untuk memastikan kekuatan UMNO tidak mudah diganggu-gugat oleh siapa.

Walau apapun alasannya, krisis yang melanda itu adalah disebabkan tidak puashati atas layanan yang membabitkan soal mencari rezeki dan keresahan dalam usaha mengekalkan kedudukan masing-masing sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian-bahagian menjelang pemilihan parti tahun depan.

Zahmy Haji Yusof dalam artikelnya, lihat *Media Islam keluaran 8 November 1992* bertajuk *Politik Terengganu makin bergelora - Motif Di sebalik Tindakan Pemuda* mengesahkan bahawa Pergerakan Pemuda UMNO Negeri di dalam dilema untuk mencari rezeki bagi mengumpul kekayaan sendiri-sendiri.

Nazri Salleh (Kemaman), Zakaria Abdullah (Dungun), Abdul Rahman (Marang), Zakari Ali (Ulu Terengganu), Nasir Ibrahim Fikri (Kuala Nerus), Abdul Rahman Yassin (Setiu), Idris Yusoh (Besut) dan Zuber (Kuala Terengganu) perlumengukuhkan sokongan di bahagian masing-masing untuk membuktikan mereka berpengaruh sebelum 'mengertak' sesiapa.

Dari laporan Zahmy di *Media Islam* membuktikan bahawa Pergerakan Pemuda UMNO sudah tenggelam punca dan tidak mempunyai asas perjuangan setelah

mereka seronok menyaksikan monyet yang diberi makan oleh tuannya.

Pergerakan Pemuda kali ini perlu membuktikan mereka benar-benar mahu menegur kepimpinan Pengurus Perhubungan UMNO Terengganu dan bukan acah-acah sahaja. Jika mereka tidak serius dan mampu dijinakkan seperti yang dikatakan oleh Wan Mokhtar, bermakna Pergerakan Pemuda memang seronok 'diberi makan' cara itu dan bukan kerana usaha sendiri.

Adakah benar bahawa perjuangan hari ini adalah perjuangan 'anak-anak manja' yang tidak mahu berusaha sendiri sebaliknya mahu disuapkan sahaja makanan ke mulutnya? Bukankah ini satu perkara yang memalukan? Atau pemuda sudah tidak tahu malu lagi? Atau soal mencari makan tidak perlu ditimbulkan perkara malu atau tidak.

Oleh itu, anak muda yang sudah diberikan keris, biarlah dicubanya tajam ataupun tidak keris itu. Jika keris tidak menikam, sekurang-kurangnya mereka boleh berlatih bersilat untuk mengeluarkan peluh.

# Siapa Bakal Ketua Pemuda



*ANNUAR MUSA... siang-siang sudah bersumpah tidak mahu bertanding lawan Najib. Mungkin beliau sudah merasakan kekuatan yang ada pada dirinya tidak mencukupi untuk berhadapan dengan Najib. Annuar kena kerja keras untuk merampas balik Kelantan dari PAS tetapi setakat ini nampaknya jauh panggang dari api*

Tulisan saya di Media Islam keluaran 8 November 1992 bertajuk Muhyiddin Acah Najib tidak bermaksud untuk melaga-lagakan kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO. Namun demikian, Datuk Seri Najib tidak sewajarnya menunggu terlalu lama di kerusi itu untuk meningkat ke jawatan lebih tinggi di dalam kepimpinan UMNO.

Oleh itu, jika Najib berundur siapakah yang akan ke tengah di dalam usaha meneruskan kesinambungan perjuangan Pergerakan Pemuda UMNO di ambang tahun 2000 ini? Antara tokoh-tokoh terkemuka yang kelihatan gagah dan sesuai duduk di situ ialah Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, Menteri Besar Selangor.

Malangnya, MB Selangor ini mempunyai barisan Setiausaha yang terlalu sibuk dengan urusan masing-masing. Ada yang sudah beristeri menambah isteri apabila melihat bosnya juga pernah berbuat demikian. Ada pula yang terlalu sibuk dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk menganjurkan marathon, jogathon dan sebagainya tetapi berkesudahan dengan kegagalan.

Ada pula yang tidak tahu manis muka dan suka menengking kalau mengangkat telefon padahal orang yang menelefon itu bukan hendak bercakap dengannya tetapi disebabkan dia sudah duduk di pintu masuk Pejabat MB itu, maka terpaksa lah orang bercakap dengannya.

Zainal Abidin Sakom pada suatu waktu dahulu adalah salah seorang Setiausaha Politik terbaik yang pernah saya dengar. Malangnya apabila lama beliau berkuasa dan mendapat kepercayaan MB untuk menjaga akaun

peribadinya, maka bertambah-tambah angkuh dan sompong pula.

Itulah sebabnya usaha beliau untuk merebut jawatan Exco Pergerakan Pemuda UMNO tahun 1990 gagal kerana gelaran Ustaz tidak menolaknya daripada bersikap hipokrit. Hari ini, beliau semakin sibuk kerana sudah mendapat isteri muda, kata S.H. Alattas dan terlalu sibuk dengan isterinya itu menyebabkan urusan dengan kawan-kawan sudah dipinggirkan.

Untungnya MB Selangor ini ada dua suratkhabar sendiri. Satu namanya NADA, Suara UMNO Selangor dan satu lagi Warta Perdana yang *dibacking* olehnya melalui Radzi dan Ustaz. Namun demikian, saya tidak percaya kemungkinan akan dapat dikekalkan berterusand selagi orang belum tahu, selamatlah rancangan kita sebaliknya jika ada yang tahu kelak, akan musnahlah ia.

Seperti di dalam buku-buku saya yang terdahulu, saya sering menyanjung kreabiliti MB ini dengan susuk tubuhnya dan raut wajahnya yang manis malangnya beliau tersilap mengambil Setiausaha-Setiausaha yang banyak sangat perniagaan dan perjuangan 'perutisme'. Sama-sama lah kita tengok berapa lama mereka 'sekopal' ini boleh belayar kerana lambat laun akan dipukul gelora jua.

Kalau berkahwin muda sekalipun tidak mungkin hingga tidak sanggup mengadakan pertemuan ataupun membalias surat orang ramai. Tiga bulan berusaha untuk mengadakan pertemuan dengannya dan tidak kurang sepuluh pucuk surat tanpa mengira berapa puluh kali

panggilan telefon dibuat tetapi tidak pernah walaupun sekali beliau membuat panggilan balas. Adakah rugi membuat panggilan balas kepada orang yang ada urusan dengan Ustaz.

Tukarkanlah sahaja gelaran Ustaz itu dengan Mr. sebab jika Mryang lakukan orang tidak kecil hati tetapi jika Ustaz yang membuatnya, ianya merosakkan semua Ustaz di negara ini yang kebanyakannya berhemah dan beradab.

Calon kedua, ialah Senator Datuk Annuar Musa, Menteri Belia dan Sukan dan Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Namun demikian, tokoh muda yang tampan ini sudah menafikan dakwaan mengatakan beliau berhasrat untuk muncul sebagai Ketua Pergerakan Pemuda disebabkan kesibukkan dengan tugas dan tanggungjawabnya sebagai wakil kerajaan pusat di Kelantan di samping tugas yang sedia ada.

Annuar seorang ahli pidato yang terkemuka dan mempunyai bakat kepimpinan yang tinggi. Bantuan dan kerjasama yang diterimanya dari setiausaha-setiausahaannya seperti Haji Alwi Che Ahmad lebih menguntungkannya kerana orang-orang ini bekerja bermati-matian untuknya di dalam usaha merampas semula Kelantan dari tangan Pas.

Begitu juga dengan Haji Shuhaimi Yaakob, Setiausaha Akhbar yang berpengalaman sejak zaman Tengku Ahmad Rithaudeen lagi menjadi Menteri. Shuhaimi mempunyai prestasi yang baik dan sanggup mengorbankan masa dan

wang ringgit untuk membela bossnya dan UMNO. Walaupun pelbagai tohmahan pernah dilemparkan kepadanya seperti terlalu sibuk bermiaga dan sebagainya tetapi sesekali tugasnya mengatasi semua setiausaha-setiausaha yang ada bertepatan dengan konteksnya di Kuala Lumpur.

Hashim pula tidak banyak bercakap dan asyik bekerja dan merupakan orang kesayangan Menteri Belia dan Sukan.

Namun demikian, jika Annuar bertukar fikiran tidak mustahil baginya muncul sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, satu-satunya sayap parti yang terkuat.

Ketiga, Haji Ibrahim Ali, Anggota Parlimen Pasir Mas, Kelantan. Beliau bekas Exco Pergerakan Pemuda UMNO di zaman Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi ketuanya. Namun demikian, masalah besar yang mungkin berlaku ialah Ibrahim 'malu alah' dengan Najib kerana Najib rapat dengannya.

Lagipun Ibrahim kelihatan lebih berminat untuk menduduki kerusi Ahli Majlis Tertinggi (MT) sahaja sebaliknya jika mendapat isyarat dari pihak-pihak tertentu, tidak mustahil baginya tampil mengetuai Pergerakan Pemuda yang memerlukan pemimpin kental, bersemangat dan pandai berpidato sepertinya.

Ibrahim yang pernah mewakili Malaysia ke Persidangan Kemuncak Bumi di Rio di dalam usaha mempertahankan Malaysia dari kecaman negara-negara

luar dengan isu alam sekitar tidak terlalu sukar merintis jalan ini kerana imejnya sebagai seorang 'hulubalang Anwar' sudah diketahui umum dan tidak mustahil Anwar akan menunjuk Ibrahim sebagai bakal Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Keempat, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Ketua Menteri Melaka dan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri itu. Beliau seorang pemimpin yang bervisi jauh dan cukup *handsome* yang memberikannya saham untuk tampil sebagai salah seorang pemimpin pelapis negara ini.

Walaupun Najib mungkin kukuh dengan sokongan kuat dari Ketua-ketua Pemuda Bahagian di seluruh negara tetapi tidak mustahil beliau akan ditewaskan oleh Ketua Menteri Melaka dengan majoriti kecil sebagai mengulangi sejarah ciptaan Anwar ketika menewaskan Suhaimi.

Rata-rata audien politik hari ini mengesahkan Rahim akan bertanding untuk merebut jawatan Naib Presiden sekali lagi tetapi jika ada penasihat yang berani menyampaikan kepadanya, adalah lebih bijak jika beliau bertindak merebut kerusi Ketua Pemuda bagi memudahkan laluannya untuk duduk sebagai di tempat ketiga suatu waktu kelak.

Ini tidak bermakna Rahim tidak layak untuk terus bertanding jawatan Naib President tetapi disebabkan ketigatiga Naib Presiden yang ada hari ini adalah tokoh-tokoh pusat, amatlah sukar seorang tokoh negeri untuk dilepaskan dicelah-celah tiga menteri ini.

Ketokohan dan idea Rahim jauh lebih baik dari lain-lain pemimpin yang ada hari ini. Cuma, beliau diberikan peluang menjadi Ketua Menteri di sebuah negeri kecil tetapi jika peranannya diluaskan lagi, nescaya Malaysia ini boleh diwarnainya dengan begitu baik.

Agak keterlaluan jika kita mengatakan Rahim adalah pemimpin selepas Dr. Mahathir tetapi percayalah jika beliau diberikan kepercayaan, kreativiti dan kepakarannya akan lebih terserlah kelihatan dan boleh menafikan kehebatan menteri-menteri yang ada di pusat sekarang.

Suatu ketika dahulu orang yang melalui Melaka untuk ke Selatan tanahair akan menyampah untuk singgah di negeri Hang Tuah itu tetapi hari ini ada sahaja sesuatu yang baru dapat dilihat, dinikmati dan dirasai di negeri ini yang tidak pernah sesiapa dapat di lain-lain negeri di seluruh negara.

Saya yang sering berulang alik ke Muar juga merasakan demikian dan dengan itu menafikan sama sekali Melaka sebagai Sleepy Hoolow sebaliknya menarik untuk berhenti rehat dan membeli belah di Negeri Perlancangan dan Negeri Perindusterian kedua selepas Selangor.

Semenjak diberi kepercayaan mengetuai pentadbiran Negeri Melaka dalam tahun 1982, Rahim telah membuktikan beliau perlu menukar pandangan orang terhadap negeri itu dan membuktikannya dengan satu kejayaan yang amat besar.

Jika Selangor berjaya disebabkan negeri ini terletak

berhampiran dengan Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia tetapi Melaka berjaya bukan kerana kedudukan geografinya sahaja sebaliknya kerana kecekapan, kecerdikan dan kerajinan Ketua Menterinya.

Bukan sedikit yang mengutuk, mengecam dan mencaci kepimpinan Rahim suatu ketika dahulu hingga menyebabkan ada pihak-pihak yang tidak percaya beliau mampu membangunkan Melaka dengan jayanya, sebaliknya ditengah-tengah cacian dan penghinaan, hari ini Melaka bangun dengan cergas dari lenanya dan menjadi sebuah negeri terkemuka dari segi Perlancongan dan Perindustrian.

Seorang sarjana pernah memberi tahu saya, Rahim hanya diberi lapangan yang kecil untuk dia bermain tetapi jika dibenarkan dia berada di lapangan yang lebih besar, beliau juga akan membuktikan bahawa beliau juga adalah pemain yang handal.

Tidak terlewat untuk Dr. Mahathir memberikan peluang kepada Rahim untuk ke pusat dan diberikan peranan lebih besar kerana pembangunan Melaka sudah boleh dilepaskan ke tangan orang-orang muda yang pernah Rahim gilap. Namun demikian, jika beliau diberi kepercayaan mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO tidak mustahil pergerakan itu bakal menjadi sayap parti terbaik selama kewujudannya.

Tidak mustahil 1993 ini adalah tahun bermakna bagi beliau dan 1994 membawa beliau ke pusat untuk dicuba

daya kepimpinannya sebagai seorang menteri yang berwibawa.

Kelima, Datuk Shahrir Abdul Samad, bekas Menteri Kebajikan Masyarakat dan Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru. Namun demikian, Shahrir mempunyai pertalian persaudaraan dengan Najib menyebabkan tiada kemungkinan berlaku pertandingan. Namun demikian, ini tidak mustahil berlaku kerana Suhaimi pernah menentang bapa saudaranya, Harun dan akhirnya menewaskan Harun dengan majoriti yang menyakinkan.

Keenam, Othman Abdul, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua UMNO Bahagian Pendang. Beliau seorang tokoh muda yang lantang dan berpendidikan tinggi. Namun demikian, tidak pula diketahui sama ada beliau berhasrat ataupun tidak berbuat demikian.

Namun demikian, kesemuanya tidak mampu mengatasi populariti Rahim dan nama-nama lain seperti Senator Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Haji Khalid Yunus dan Datuk Megat Junid Megat Ayub mungkin tidak berhasrat berbuat demikian walaupun mereka layak dan mampu memberikan tentangan hebat di dalam pertandingan itu jika ada.

Dan langkah Rahim jelas mesti melalui kerusi Pergerakan Pemuda UMNO yang boleh menyerahkan lagi bakat kepimpinannya untuk melangkah setapak lagi ke kerusi Naib Presiden UMNO di dalam pemilihan tahun 1996 pula.

# **Orang Muhyiddin Pimpin Pemuda Johor**



RUHANIE HAJI AHMAD..MP Parit Sulong yang merupakan pemimpin berpotensi dari Johor selepas Haji Abdul Ghani Othman. Beliau bekas Setiausaha Politik Datuk Musa Hitam yang pernah menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Parit Sulong dan kini menjawata jawatan Naib Ketua UMNO Bahagian yang sama. Mungkinkah beliau akan mengetuai UMNO Bahagian Parit Sulong dalam tahun 1993?

SATU perkara besar yang mesti Pergerakan Pemuda UMNO Johor fikirkan ialah keikhlasan Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin tidak pernah sekali menggunakan pengaruhnya bagi meletakkan orang-orang yang disukainya di mana-mana bahagian bertujuan menguatkan politik peribadinya.

Beliau tidak mengikuti jejak langkah bekas MB yang lalu, Datuk Ajib Ahmad dan Tan Sri Haji Othman Saat yang meletakkan orang-orangnya di kesemua bahagian sama ada secara kebetulan ataupun secara pertandingan sengit.

Contoh paling ketara ialah pertandingan antara Haji Mohamad Sam Sailan dengan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah di Muar, Hasmoni Salim dengan Datuk Haji Yusof Malim Kuning di Kota Tinggi, Datuk Hajah Fatimah Salim dengan Haji Ikhwan Nasir di Sungai Benut dan Haji Daud Datuk Haji Taha dengan Datuk Haji Abdul Jalal Abu Bakar di Batu Pahat menunjukkan dengan jelas *proxy* MB cuba menguasai bahagian-bahagian di seluruh negeri.

Apabila selesai pilihanraya umum 1986, Muhyiddin yang diberi kepercayaan menerajui kerajaan negeri Johor diramalkan bakal menjalani langkah yang diambil oleh kedua-dua MB yang lalu untuk menguasai keseluruhan UMNO bahagian-bahagian dengan meletakkan orang-orangnya mengetuai bahagian-bahagian tersebut.

Namun demikian ramalan itu ternyata meleset malahan apabila abangnya sendiri, Haji Aziz Mohd Yassin

menawarkan khidmatnya di Bahagian Muar, Muhyiddin secara terang-terang mengumumkan beliau tidak terlibat dengan mana-mana pihak dan tidak pernah merestui sesiapa menentang ketua bahagian.

Disebabkan Ketua Penaja UMNO Bahagian Muar ketika itu, Mohd Nor Mohd Dom yang dilantik menjadi Ahli Majlis Tertinggi adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Serom di bahagian Ledang, maka tiada siapa mengenalinya di Bahagian Muar kecuali seorang dua yang mengakui bersaudara dengannya di bahagian itu.

Isu orang luar cuba diletakkan di Muar mulalah tersebar dan usaha-usaha dibuat untuk mencari calon yang mampu berhadapan dengan Ahli MT ini. Waktu itu antara nama yang disebut-sebut sebagai calon paling layak diketengahkan ialah Ahli Parlimen Muar, Sam Sailan. Seorang lagi yang diharap-harapkan bakal menerajui UMNO di situ ialah usahawan terkemuka dan anak kepada bekas Ketua Bahagian, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, iaitu Datuk Kadar Shah.

Tiada siapa yang menjangka Aziz yang juga Ahli Jawatankuasa UMNO bahagian ketika itu akan menentang Mohd Nor tetapi apabila Sam dan Kadar tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan meletakkannya sebagai Ketua Bahagian, sekoyong-koyong, nama Aziz timbul.

Seperti orang mengantuk disorongkan bantal, Aziz tiba-tiba mendapat kerjasama dari Mejar (B) Haji Khalil

Osman, Setiausaha UMNO bahagian (penaja), salah seorang tenaga penting yang menghidupkan semula keseluruhan cawangan-cawangan UMNO di Bahagian Muar apabila ketua yang lalu, Haji Kahar Ahmad menyertai Semangat 46.

Khalil dipecat oleh Mohd Nor menyebabkan pertarungan mencari pengaruh bermula dan akhirnya membuktikan bahawa pengaruh Khalil melebihi dari pengaruh Mohd Nor dan menyebabkan Aziz yang disokong oleh Khalil memenangi pertandingan satu lawan satu dengan majoriti 17 undi.

Apabila Aziz menang, ada cakap-cakap mengatakan Muhyiddin menyokong abangnya bertanding di situ dan menyebabkan laluan Aziz agak mudah. Namun demikian, di dalam pilihanraya umum 1990, Muhyiddin tidak membawa abangnya untuk bertanding di mana-mana kerusi sama ada peringkat negeri maupun parlimen.

Maka redalah tuduhan yang mengatakan MB mahu membina empayaranya di Johor yang didakwa oleh beberapa pihak. Namun demikian, tiada siapa yang melihat mengapa Muhyiddin tidak meletakkan Setiausaha-setiausahaannya bertanding di mana-mana bahagian jika beliau berkepentingan mengukuhkan pengaruh politiknya.

Datuk Shahrir Abdul Samad ketika menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat 'membenarkan' Setiausaha Politiknya, Khalid Nordin mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO bahagian yang diketuaainya, Johor Bharu.

Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Penerangan 'membenarkan' Setiausaha Politiknya, Baharom Abdul Ghani menjawat jawatan Timbalan Ketua UMNO Bahagian yang dipimpinnya, Pulai.

Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman ketika mengetuai UMNO Bahagian Mersing dan menjadi Timbalan Perdana Menteri 'membenarkan' Setiausaha Politiknya, Haji Ikhwan Nasir menjadi Timbalan Ketua UMNO bahagian yang sama.

Datuk Musa Hitam pernah 'membenarkan' dua Setiausaha Politiknya, Ruhanie Haji Ahmad mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Parit Sulong dan Sulaiman Aris mengetuai Pergerakan Pemuda di Kota Tinggi.

Di lain-lain negeri, MB Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib membenarkan Setiausaha Politiknya, Zainal Abidin Sakom menjadi Setiausaha UMNO Bahagian Hulu Selangor yang diketuainya dan banyak lagi contoh termasuk Nazri Salleh (Pemuda Kemaman) dan Datuk Seri Najib Tun Razak tidak menghalang Setiausaha Politiknya, Senator Haji Ahmad Zahid Hamidi aktif di Bahagian Bagan Datoh.

Mengapa tiada siapa yang memuji Muhyiddin yang tidak membenarkan Setiausaha Politiknya dan Setiausaha Akhbarnya daripada aktif di dalam Pergerakan Pemuda UMNO di mana-mana bahagian? Beliau dikatakan bimbang akan berlaku 'perselisihan' kepentingan di dalam

menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Sukarkah bagi Muhyiddin memberi isyarat kepada Pergerakan Pemuda UMNO Bahagiannya supaya menerima Setiausaha Politiknya, Haji Asmaun Haji Ismail yang juga anak jati Pagoh mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian itu? Tetapi sehingga kini tiada sebarang isyarat diberikan menyebabkan Bani Abdul Rajak masih dengan yakin memimpin pemuda di situ.

Dengan pergolakan yang berlaku sekarang, Muhyiddin sepatutnya berani mengambil langkah segera membuat perubahan dan stail kepimpinannya dengan membenarkan Setiausaha-setiausahaannya memimpin mana-mana pergerakan pemuda ataupun aktif berpolitik bagi memudahkannya menjalankan tugas dan tanggungjawabnya terhadap pembangunan ekonomi negeri dan pembangunan ummah.

Begitu juga dengan Datuk Syed Hamid Albar, Ahli Parlimen Kota Tinggi sekiranya beliau berpindah dari Bukit Bintang, Wilayah Persekutuan kesana, tidak mustahil baginya membenarkan Setiausaha Politiknya aktif berpolitik, jika bukan di bahagian yang sama sekurang-kurang satu bahagian di dalam negeri Johor.

Syed Omar anak jati Johor Bahru dan menjadi ahli UMNO di Cawangan Wadi Hana lebih sesuai aktif di bahagian itu tetapi tidak mustahil berpindah ke Kota Tinggi jika dengan kehendak ketuanya.

Begitu juga dengan Hanafiah Haji Abdul Samad,

Setiausaha Akhbar kepada MB Johor adalah anak jati Sungai Sudah di dalam UMNO Bahagian Muar dan secara kebetulan ketua Pemuda UMNO Bahagian itu, Masri Saryani akan mengundurkan diri dari jawatannya atas faktor usia.

Mungkin Muhyiddin akan dikecam jika campur tangan di dalam meletak dudukkan ketua-ketua pemuda tetapi selama inipun beliau terus menerus dikecam walaupun tidak ambil tahu di dalam menentukan hireki kepimpinan UMNO Negeri manakala Setiausaha Politik yang ada sekarang adalah bertanggungjawab kepada Menteri Besar.

Sebagaimana yang Muhyiddin ketahui beliau tidak mendapat sokongan dari Pemuda UMNO Negeri sejak zaman Nasir Safar mengetuai pergerakan itu lagi. Setiausaha Pemuda Negeri, Aziz Kaprawi secara terang-terang bersama-sama Datuk Mustaffa Mohammad, bekas Menteri Kebajikan Masyarakat di dalam beberapa isu yang mengecam kepimpinan Muhyiddin termasuklah tindakan boo dilakukan ketika MB mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke rumah Mustaffa sewaktu pilihanraya umum yang lalu.

Tidak hairanlah Muhyiddin pernah dicadangkan supaya menggorak langkah baru di dalam politiknya kerana selama ini beliau bukan dianggap *good boy* apabila beliau tidak mengganggu sesiapa sebaliknya disifatkan sebagai *careless politician* yang tidak mahu melayan karenah orang-orang politik.

Sebenarnya, menepati nasihat Dr. Mahathir ketika menyampaikan ucapan penangguhan Perhimpunan Agung UMNO 1992, sesuatu kejayaan itu tidak boleh dicapai di dalam jangka waktu yang cepat sebaliknya perluditempuhi pelbagai rintangan, halangan dan dugaan sebelum satu-satu itu dicapai. Begitu juga dengan Muhyiddin, beliau sebenarnya melakukan sesuatu yang lambat untuk dinilai dan rasai oleh orang-orang politik tetapi akhirnya mereka akan tahu juga apa sebenarnya niat MB di dalam membangunkan negeri.

Era Tan Sri Haji Hassan Yunos era meraikan kemerdekaan manakala era Othman, mengisi kemerdekaan setelah menempuh gelora tragedi 13 Mei 1969 dan krisis yang melanda antara pengaruh Datuk Musa Hitam dengannya. Manakala era Ajib lebih kepada membetulkan keadaan politik di mana Musa waktu itu dalam usaha mengekalkan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden UMNO yang sentiasa bersaing dengan Tengku Razaleigh Hamzah.

Apabila Musa berhenti, UMNO Johor seperti hilang punca antara mengekalkan pengaruh Musa dengan mengukur kepimpinan Muhyiddin sehingga mendorong Shahrir mencadangkan jawatan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri mestilah diberikan kepada Musa dan bukan Muhyiddin.

Namun demikian, Dr. Mahathir lebih yakin Muhyiddin mampu memperbaharui semangat ahli-ahli UMNO Johor

dengan memberinya kepercayaan mengetua perhubungan UMNO negeri dan terbukti Muhyiddin tidak banyak bermain politik sebaliknya memperkenalkan budaya kerja dan rajin sebagai asas kejayaan umat Melayu.

Sejak 1986 beliau seperti tidak langsung memperdulikan politik sebaliknya terus bekerja walaupun Johor dua kali ditempuh gelora pilihanraya kecil yang hampir-hampir menghancurkan UMNO keseluruhannya apabila calon Bebas di Johor Bahru memenangi pilihanraya dengan mengalahkan calon UMNO/BN dengan majoriti 12,613 undi manakala pilihanraya kedua, calon Bebas hanya ditewaskan oleh calon UMNO dengan majoriti 413 undi sahaja.

Baginya, rakyat Johor sudah terlewat untuk melayan politik yang remeh temeh sebaliknya menggunakan masa yang ada untuk mengiatkan aktiviti membangunkan ekonomi keluarga dan pembangunan kemanusiaan. Di dalam lawatan-lawatan pembangunan yang beliau lakukan, Muhyiddin menekankan bahawa tiada gunanya orang-orang Melayu terus berpolitik dan bergaduh sesama sendiri sebaliknya meneruskan permainan politik yang boleh memberi pulangan ke arah meningkatkan pembangunan ekonomi masing-masing.

Tidak hairanlah di dalam keasyikkan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri bermain politik, Muhyiddin terus menghayun langkahnya memperbesarkan lagi perniagaan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor

(SEDC) dengan harapan ekonomi Johor akan terus meningkat di samping anak-anak Johor dapat menikmati hasilnya melalui pelbagai sumber termasuk amanah Saham Johor (ASJ).

Namun demikian Muhyiddin bukanlah pemimpin yang *perfect* dan tidak bermakna beliau tidak pernah melakukan kesilapan tetapi visinya kadangkalai tidak dapat diterima oleh pemimpin-pemimpin lain yang sesekali dilihat seperti mencemburui bakat kepimpinan yang ada pada dirinya.

Johor 2005 misalannya bukan meniru wawasan PM sebaliknya itulah visi Muhyiddin sebaik sahaja beliau mempengaruhi mesyuarat Exco Kerajaan Johor sebaik sahaja menjadi Menteri Besar dalam tahun 1986.

Jika visi Johor 2005 tidak boleh dilihat oleh para pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO bahagian-bahagian di Johor, amatlah mustahil bagi mereka mewarisi kepimpinan negeri itu untuk mengejarmatlamat wawasan 2020 yang lebih jauh ke hadapan.

Muhyiddin mengalakkan petani-petani terjun ke dunia pertanian dengan menanam pisang montel seperti yang dilakukan oleh anak syarikat SEDC yang akhirnya mendapat sambutan baik dari dalam dan luar negeri, mengapakah masih ada lagi Ketua Pemuda UMNO Bahagian yang seronok menceritakan kisah mencuri pisang untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti pemuda diperingkat bahagian dan cawangan.

Jalan terbaik bagi Pergerakan Pemuda UMNO dibawah pimpinan Raden Basiron Raden Said dan Masri ialah memulakan langkah baru menjelang fajar 1993 untuk membangunkan ekonomi pergerakan pemuda dan berkongsi visi dengan MB untuk meneruskan perjuangan ke arah memajukan bangsa Melayu.

Kempen-kempen harus dijalankan untuk menarik lebih ramai pencarum ASJ yang bakal menjanjikan pulangan setanding dengan ASN dan ASB sebagaimana kenyakinan yang pernah diberikan oleh Datuk Ali Hashim tidak lama dahulu.

Sudah tidak ada maknanya jika pemuda muh berkonfrontasi dengan Muhyiddin kerana sekurang-kurangnya Muhyiddin sudah sampai ke satu tahap yang agak tinggi di dalam membawa SEDC menceburkan diri di bidang perniagaan dan pernah merangkul hadiah kecemerlangan dari Kementerian Perusahaan Awam.

Tidak ada salahnya pemuda UMNO belajar dari kesilapan lalu dan berusaha untuk memperbaikinya sekarang kerana usia tidak pernah menjadi penghalang kepada hasrat sesiapa untuk memperbaiki situasi.

# Rahim Tamby Chik Tanding Naib Presiden Lagi?



*RAHIM...Orangnya cerdik dan handsome. Melaka menjadi indah di bawah pentadbirannya. Tetapi nasibnya untuk mencuba sekali lagi kerusi Naib Presiden akan ditentukan oleh perwakilan tahun 1993 nanti. Insya Allah, Rahim akan menang walaupun dengan laluan sukar. Itu adat orang perjuangan.*

**APABILA** Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik mengambil keputusan bertanding jawatan Naib Presiden di dalam pemilihan tahun 1990, bukan sedikit pemerhati politik terkejut bukan kerana beliau tidak layak tetapi langkah 'orang muda' ini tidak disangka-sangka dibuat ketika gelanggang pertandingan dipenuhi dengan calon-calon yang terkemuka.

Cuma, apabila beliau tewas bersama-sama Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar (MB) Terengganu dan Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin, MB Johor analisis yang dibuat oleh aktivis politik ialah beliau tewas kerana faktor usia.

Rahim baru berusia 39 tahun ketika bertanding tahun itu dan beliau bersaing dengan orang-orang yang lebih tua darinya walaupun dari segi kehebatan bekerja, kreativiti dan keikhlasan beliau tidak sedikitpun kurang daripada lain-lain tokoh yang bersaing dengannya.

Bagaimana jika beliau membuat keputusan untuk turut bertanding sekali lagi jawatan Naib Presiden di dalam pemilihan tahun 1993 depan? Adakah peluangnya untuk menyingkirkan salah seorang dari tiga Naib Presiden yang sedang kepanasan di kerusi nombor tiga itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen Ismail pernah duduk di kerusi Naib Presiden tetapi tidak kekal apabila tewas di dalam pemilihan penggal berikutnya. Begitu juga rekod undi tertinggi bagi jawatan Naib Presiden tidak pernah mampu dikekalkan oleh mana-mana calon setakat ini

menjadi faktor kemungkinan untuk Rahim ke hadapan di arena politik kebangsaan tidak sesukar yang disangka.

Rahim anak muda yang diberi kepercayaan menjadi Ketua Menteri dalam tahun 1982 dan setakat ini beliau sudah membuktikan selama 10 tahun kepimpinannya Melaka yang selama ini dikenali sebagai bandar mati menjadi kembali bergetar di bawah pentadbirannya.

Tidak khairanlah seorang penulis dari luar negara pernah menyifatkan Melaka sebagai sebuah bandar yang mempunyai *something old, something new* yang menyebabkan ianya menjadi begitu terkenal di seluruh dunia. Walaupun kejayaan ini tidak boleh dikreditkan kepada Rahim seorang tetapi siapakah lagi yang wajar dipuji dengan pembangunan dan perubahan yang berlaku di Melaka sekarang?

Dalam bab yang terdahulu saya mencadangkan supaya Rahim bertapak di kerusi Ketua Pergerakan Pemuda kerana pengalamannya sebagai Exco pergerakan itu sejak zaman Allawayarham Tan Sri Syed Jaafar Albar mengetuai pergerakan itu tidak bermakna beliau tidak mempunyai kekuatan untuk bertanding di kerusi nombor tiga. Sebaliknya adalah lebih elok baginya, menyusun langkah dengan memanjat kerusi pemuda yang membayangkan ke kerusi Naib Presiden selepas itu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO selepas Datuk Suhaimi Kamaruddin sebelum beliau dengan bergaya melompat ke kerusi Naib Presiden.

Begitu juga dengan Datuk Seri Sanusi Junid, bertapak sebagai Setiausaha Agung UMNO dan tewas sekali di dalam percubaan untuk ke kerusi Naib Presiden sebelum berundur setapak ke belakang dan kemudianya melangkah sepuluh tapak ke hadapan dengan menang kerusi Naib Presiden di dalam pemilihan tahun 1990.

Berbeza dengan Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengekalkan kerusi Naib Presiden dua penggal berturut-turut kerana *special* kes beliau dengan Datuk Musa Hitam dan Dr. Mahathir Mohamad. Pak Lah orang kuat Musa tetapi dibawa ke dalam politik oleh Dr. Mahathir. Beliau bukan sahaja mendapat sokongan orang Musa sebaliknya terus mendapat kepercayaan orang Dr. Mahathir.

Oleh itu, dari *track record* yang dibuat oleh ketiga-tiga tokohterkemuka UMNO ini siapakah pilihan Rahim untuk dijejaki? Atau Rahim mahu memecahkan tradisi dengan mencipta *record* sendiri dengan menggugat kedudukan salah seorang dari tiga Naib Presiden yang ada?

MB Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menumpukan seluruh perhatiannya kepada perwakilan dari Sabah dengan mengajikan khas seorang pertugas di sana untuk menjaga perwakilan dari negeri itu dan adakah Rahim juga memberikan perhatian khusus terhadap mana-mana perwakilan tahun 1993?

Setiausaha Politik MB Selangor, Ustaz Zainal Abidin Sakom tidak dibenarkan melayan mana-mana orang dari Semenanjung kerana masa ini mestilah digunakan untuk

melayan perwakilan dari Sabah supaya 200 undi lebih dari Sabah dirangkumi untuk Muhammad.

Muhammad orang Anwar dan jika beliau menang merebut kerusi Naib Presiden dan dalam masa yang sama Anwar juga mengekalkan kerusi itu peluang untuknya melangkah ke kerusi Timbalan Presiden semakin cerah sebagaimana rancangan tahun 1990 mengenepikan Pak Lah dan mengekalkan Wan Mokhtar tetapi perkiraan itu tidak menjadi.

Rahim tidak mungkin gagal untuk ke kerusi Naib Presiden tahun 1993 ini jika persaingan semakin sengit kerana jika berlaku pecah undi, peluang Rahim amatlah cerah. Setakat ini Datuk Dr. Yusof Noor, Rahim, Muhammad, Tan Sri Khalil Yaakob dan Muhyiddin mungkin bertarung di kerusi Naib Presiden bersama-sama Najib dan ketiga-tiga Naib Presiden yang ada.

Oleh itu, meramalkan peluang siapa kali ini amatlah sukar kerana masing-masing mempunyai pengaruh tersendiri dan personaliti yang tidak jauh bezanya antara satu dengan lain. Dengan itu, hanya nasib dan masa yang akan menentukan siapa terbaik di kalangan yang baik.

Rahim anak jati Melaka nampaknya pemimpin kedua selepas Ghafar Baba berjaya mencipta nama tersendiri di arena politik negara ini. Jika dahulu Datuk Adib Adam pernah diketengahkan oleh Musa untuk mewarnai politik Melaka dan Malaysia malangnya Adib tidak ke mana-mana selepas ketiadaan Musa.

Kekerapan Dr. Mahathir ke Melaka dan menghadiri majlis-majlis jemputan dari mana-mana pihak di Melaka membuktikan Dr. Mahathir amat senang dengan Rahim. Namun demikian, mungkin Dr. Mahathir tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk Rahim di pusat ataupun mungkin Perdana Menteri bimbang selepas Rahim siapa pula akan menyambung tugasnya menaikkan imej Melaka dari sebuah negeri yang lesu menjadi semakin bergetar sekarang ini.

UMNO Melaka hanya mempunyai lima bahagian. Di mulai dengan Kota Melaka (Ketuaanya Datuk Nasir Manap), Batu Berendam (Datuk Ali Rustam), Jasin (Datuk Zahar Isnin), Selendar (Datuk Ahmad Haji Abdullah) dan Alor Gajah (Rahim sendiri).

Oleh itu, perwakilan dari lima bahagian ini memang tidak menjanjikan sebarang kemenangan kepada bossnya tetapi Ghafar pernah kekal di kerusi Naib Presiden selama suku abad walaupun beliau mewakili Melaka sejak mula-mula berpolitik.

Dari pelbagai sudut dan teori di atas kertas, Rahim mustahil boleh duduk di kerusi Naib Presiden tetapi kehebatan sebenarnya sedang diteliti oleh seluruh perwakilan UMNO untuk diangkat juga akhirnya ke kerusi Presiden UMNO.

Masalahnya adakah perwakilan UMNO membuat keputusan berdasarkan potensi seseorang calon ataupun faktor lain yang menyebabkan mereka membuat pilihan.

Biasanya tiada siapa yang sanggup menilai kerja seseorang sebaliknya mengukur dari segi kehebatan berpidato?

Namun demikian, sebagai penulis saya meneliti ke semua pemimpin yang berada di barisan depan, tengah dan belakang di dalam susunan pemimpin-pemimpin UMNO. Oleh itu saya mempunyai pernilaian sendiri terhadap mereka. Tidak ada sesiapa yang boleh mempertikaikan pernilaian seseorang kerana masing-masing berhak mengeluarkan pendapat masing-masing.

Namun demikian, saya tidak bertujuan menulis seolah-olah hanya Rahim seorang sahaja yang paling layak ke kerusi Naib Presiden, timbalan Presiden dan kemudiannya Presiden. Tetapi kreativitinya membangunkan Melaka memeranjatkan semua rakyat termasuk Dr. Mahathir sendiri.

Ramai yang percaya jika Rahim diberikan peranan di pusat beliau akan lebih berjaya membangunkan negara ini menepati wawasan 2020 seperti yang diprogramkan oleh Dr. Mahathir.

Pelbagai fitnah dilemparkan kepada Rahim selama beliau memimpin Melaka namun demikian tiada satupun yang boleh menurunkan Rahim dari kerusi popularitinya. Inilah yang menyebabkan Rahim akhirnya berjaya mengenepekan pelbagai fitnah dan tohmahan yang memburuk-burukkan namanya.

Disebabkan Melaka itu sendiri popular dan seolah-olah Melaka itu terbangun dan terjadi begitu indah serta

cantik secara semula jadi. Tidak ramai yang memperdulikan Rahim yang sebenarnya menjadi arkitek merencanakan pembangunan Melaka Moden. Namun demikian Rahim seperti tidak peduli dengan itu semua kerana baginya membangunkan Melaka adalah lebih mustahak daripada membangunkan namanya sendiri di arena politik negara.

Namun demikian, tokoh yang mempunyai idea besar ini akan hilang begitu sahaja jika tiada sebarang usaha mengangkatnya ke tempat yang sesuai. Oleh itu, mulai sekarang, seluruh perwakilan UMNO perlu meneliti dan mengkaji sama ada benar ataupun tidak cadangan dan persepsi saya terhadap Rahim.

Saya tidak pernah bertemu bual dengan Rahim walaupun lama saya berkecimpung di dunia persurat khabaran malahan walaupun saya kerap ke Pejabat Ketua Menteri Melaka, saya hanya singgah di Pejabat Datuk Ahmad Abdullah, Datuk Yassin Sharif, Datuk Jaafar Lajis dan Datuk Ali Rustam di Majlis Perbandaran suatu ketika dahulu.

Peluang berjumpa dengan Rahim belum pernah saya dapati walaupun saya kenal dengan Setiausaha-setiausahaannya termasuk Khairuddin Hassan, Nordin Yaani, Ibrahim Jendol dan Asari Ibrahim ketika mereka masih bertugas lagi.

Satu peristiwa yang tidak dapat saya lupakan ialah sewaktu bertugas di Watan, saya membuatkan temujanji

antara wartawan Watan dengannya sewaktu saya terserempak dengan Rahim di Holiday Inn Johor Bahru ketika pilihanraya kecil Johor Bahru sedang berlangsung. Namun demikian, apabila temujanji diberikan, saya tidak diajak bersama-sama ke Melaka oleh pengarang-pengarang Watan menyebabkan peluang berkenalan dengan lebih rapat lagi dengan tokoh besar ini terlepas begitu sahaja.

Namun demikian, ini tidak bermakna saya tidak boleh meneliti dan mengikuti perkembangan yang berlaku terhadap Rahim dari jauh kerana bagi saya kenal ataupun tidak perkara kedua tetapi yang lebih penting saya boleh mengikuti visi dan ideanya sama ada ketika mengilhamkan Taman Mini Malaysia, Taman Buaya dan sebagainya di dalam usaha meningkatkan martabat Melaka Bandaraya Bersejarah.

Rahim anak kepada seorang Exco Kerajaan Negeri, Datuk Tamby Chik Karim yang pernah berkhidmat di bawah Ghafar Baba ketika Ghafar menjadi Ketua Menteri Melaka dahulu.

Seperti ada persamaan sejarahnya ini dengan Tan Sri Isa Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga anak kepada seorang Exco kerajaan negeri akhirnya mencipta nama sebagai seorang MB yang berwibawa.

Satu perkara menarik yang saya perlu tuliskan ialah Rahim dikatakan seorang Ketua Menteri yang paling mudah ditemui oleh para penulis dan wartawan. Saya tidak tahu sejauh mana kebenarannya kerana saya sendiri

tidak pernah membuat permohonan untuk bertemu dengannya.

Lagipun, saya tidak ada apa-apa urusan dengannya sama ada untuk menulis mengenai biografinya ataupun bermiaga dengan Kerajaan Negeri Melaka menyebabkan saya rasa tidak sesuai untuk saya bertemu dan mengganggu tugasnya yang sentiasa sibuk dalam usaha menjayakan wawasannya sendiri di dalam membangunkan Melaka.

Susuk tubuhnya yang besar dan berkulit putih kuning, Rahim berjaya membawa imej pemimpin yang dipusakai dari Allahyrahim bapanya. Sebagai orang muda yang berjaya menduduki kerusi kepimpinan tinggi, tidak mustahil baginya difitnah dan ditohmah bagi menjatuhkannya.

Namun demikian, dengan langkah keyakinan beliau berjaya mengenepikan segala-galanya untuk bersiap sedia melangkah ke hadapan setapak demi setapak menuju ke mercu kejayaan bukan sekadar Melaka tetapi Malaysia sekaligus bersaing dengan pencapaian yang pernah dimiliki oleh Dr. Mahathir, 'bapanya' di dalam melayari bahtera politik dan pentadbiran.

Rahim punya kepandaian, prestasi dan cukup kreatif. Rahim perlu mengukuhkan lagi kelebihan-kelebihan yang beliau ada untuk meneruskan perjuangannya membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat. Jika Melaka sudah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan menandakan kejayaan Rahim yang paling besar ialah mengurangkan jumlah

keluarga miskin jikapun tidak boleh dihapuskan terus.

Soal 1993 akan meletakkan Rahim di kerusi Naib Presiden ataupun tidak bukan soal yang terlalu besar kerana kebolehan Rahim memang tidak memustahilkan perkara ini berlaku dan ia tidak akan memeranjatkan sesiapa kerana perwakilan yang memilihnya mungkin mempunyai pendapat dan pandangan yang hampir serupa dengan saya, seorang penulis politik.

# Perang Terbuka Muhyiddin- Pemuda



JIKA Sulaiman Haji Taha menerima perlakuan untuk mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO Johor, nasib pemuda tidak seburuk ini. Beliau yang bermati-matian membuat kerja mempertahankan Muhyiddin menyebabkan pemuda kurang menyenanginya. Namun demikian, Allah yang menentukan nasibnya kelak walaupun dia tidak dilantik menjadi Setiausaha Kerja UMNO Negeri Johor.

MENTERI Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin terpaksa mengulangi keikhlasannya bahawa bukannya itu untuk mencetuskan konfrontasi dengan pihak-pihak tertentu ketika mengucapkan perkataan *sindrom bisu* kepada Pergerakan Pemuda di Konvensyen UMNO di Desaru baru-baru ini.

Dengan serta-merta wakil Pergerakan Pemuda UMNO Nasir Safar pula membuat kejutan dengan memberi kata dua kepada kepimpinan negeri supaya bersiap sedia dengan tindakan pemuda untuk mencari salah seterusnya mengkritik secara terbuka bagi membuktikan mereka tidak pernah dilanda *sindrom bisu*.

Isiuitudikira sudah selesai tetapi di dalam Perhimpunan Agung baru-baru ini, beberapa pemimpin pemuda telah 'mengugut' Muhyiddin supaya tidak menyalahkan pemimpin mereka jika pergerakan itu memerangi pemimpin yang menegur pemuda.

Muhyiddin sedar tegurannya menyebabkan pergerakan itu tidak tenteram di dalam perhimpunannya tetapi menekankan supaya pemimpin pemuda perlu bersikap terbuka apabila ditegur.

Menurutnya, teguran itu bukannya dakwaan dan kalau tegurannya tidak betul mereka janganlah pula hendaknya menganggapnya bertujuan mencetuskan konfrontrasi dan jika *sindrom bisu* tidak boleh ditegur menular di dalam pergerakan itu pasti ia akan membawa kesan buruk.

Adakah Muhyiddin juga berhasrat untuk menentang

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pemilihan tahun depan? Kini sudah ada pihak-pihak tertentu yang mengeksplot isu ini hingga menjadi agak tegang.

Namun demikian, Muhyiddin sudah mengulangi pendiriannya tidak mempunyai hasrat berbuat demikian malahan beliau sering menyokong isu-isu yang dibawa oleh pemuda jika ianya sesuai dan demi kepentingan semua.

Tetapi, apabila Najib mempertahankan pemuda, bermakna beliau sudah confirm untuk mempertahankan jawatannya itu dan ini memberi makna beliau tidak akan bertanding bagi jawatan Naib Presiden di dalam pemilihan akan datang.

Oleh itu sudah patutlah mana-mana Menteri Besar ataupun Ketua Menteri yang berminat untuk mencuba nasib di dalam pertandingan akan datang bersiap sedia dari sekarang bagi memudahkan persiapan. Cuma, sebaik sahaja jawapan tidak rasmi diberikan oleh Najib, bermakna sudah selesaikah isu ini dan Muhyiddin boleh meminta rakan-rakannya dari kalangan MB atau KM bertanding jawatan Naib Presiden jika beliau tidak berhasrat berbuat demikian. Namun demikian, Najib perlu akui bahawa apabila beliau mempertahankan pemuda bermakna beliau perlu berhadapan dengan semua MB dan KM yang kebanyakannya bermasalah dengan pemuda.

Paling nyata ialah Terengganu dan Johor namun

demikian Perak tidak terlepas dari isu ini walaupun hubungan antara Tan Sri Ramli Ngah Talib dengan Senator Ahmad Zahid Hamidi sudah terjalin erat.

Bagaimana tindakan pemuda di Johor selepas ini? Adakah mereka masih meneruskan sokongan kepada kepimpinan negeri atau mereka akan melepaskan bebanan itu kepada Muhyiddin seorang dengan mengambil sikap induk UMNO adalah berlainan dengan pemuda.

Pemuda tidak boleh berbohong mengatakan pertemuan dengan MB menyebabkan masalah yang menimpa sudah dapat diselesaikan dalam keadaan yang amat harmoni kerana sehingga kini cakap-cakap di belakang masih mereka teruskan untuk membuktikan kepada Muhyiddin bahawa pemuda mempunyai taring untuk melukakan sesiapa juga.

Di dalam ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika melancarkan buku Aishah Ghani-Memoir seorang pejuang di Dewan Bahasa dan Pustaka, 4 November 1992 yang lalu menekankan bahawa beliau mempunyai satu perasaan yang istimewa terhadap Wanita (UMNO) dan itulah sebabnya dari satu jawatan menteri disandang oleh wakil itu kini sudah menjadi dua.

Ini membuktikan bahawa Dr. Mahathir sendiri tidak begitu 'senang' dengan Pergerakan Pemuda dan itulah sebabnya Ketua Pemuda di zaman Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin hanya diberikan jawatan Timbalan Menteri sahaja sedangkan ketua wanita belum pernah hanya menjawat jawatan Timbalan Menteri.

Di Johor, tiada seorang wakil pemuda dilantik menjadi Exco tetapi bagi wanita, walaupun hanya tiga kerusi mereka mempunyai seorang exco melalui perlantikan Hajah Sabariah Ahmad (Adun Jorak) untuk penggal kedua berturut-turut.

Begitu juga dengan jawatan Exco, Muhyiddin terpaksa melantik Adun-Adun yang bukan Ketua UMNO Bahagian. Datuk Bahari Haron (Labis), Datuk Zainal Abidin Mohd Zin (Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Batu Pahat), Haji Muhammad Abdul Aziz (Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sri Gading), Hashim Ismail (Naib Ketua UMNO Bahagian Ledang) dan Sabariah (Ketua Wanita UMNO Pagoh).

Hanya Speaker, Haji Ali Hassan (ketua UMNO Bahagian Tebrau) dan Datuk Ahmad Abdullah (Ketua UMNO Bahagian Pontian) sahaja ketua bahagian dan tiada langsung wakil dari pemuda.

Apakah Pergerakan Pemuda UMNO Negeri berpuashati dengan kerusi Adun sahaja diduduki oleh wakilnya termasuk Haji Muntaha Kailan (Adun Parit Jawa), Mohamadun Abu Bakar (Sedili) dan Nasir Safar (Pulai Sebatang).

Di Melaka, Ketua Pemuda Selendar yang juga Naib Ketua Pemuda Negeri adalah Exco Kerajaan Negeri. Di Negeri Sembilan Datuk Waad Mansor, Ketua Pemuda Tampin juga Exco Kerajaan Negeri tetapi di lain-lain negeri peranan pemuda amat kecil membuktikan memang tiada

pengiktirafan kepimpinan sayap parti ini kepada mana-mana ketua kerajaan negeri.

Oleh itu, saranan dan teguran yang dibuat oleh mana-mana MB termasuk MB Terengganu dan Johor bukan untuk berkonfrontasi sebaliknya mahu menjadikan pergerakan ini lebih mantap lagi dengan perhatian dari pucuk pimpinan termasuk di peringkat negeri dan pusat.

Pergerakan Pemuda UMNO Johor misalannya, mestilah menyediakan barisan pemimpin muda yang boleh diketengahkan di peringkat pusat seperti yang pernah dibuktikan oleh Muhyiddin sendiri, Haji Ikhwan Nasir, Datuk Mohamed Rahmat, Datuk Musa Hitam, Sulaiman Aris, Ruhanie Haji Ahmad dan Haji Abdul Ghani Othman.

Jika tidak selama-lamanya Pergerakan Pemuda UMNO Negeri hanya akan berpuashati dengan perlantikan 'kasihan' yang bakal dibuat oleh kepimpinan pemuda di peringkat pusat seperti yang pernah berlaku di dalam tahun 1990 dahulu.

Perlantikan Sulaiman Haji Taha (Ketua Pemuda Labis) sebagai Setiausaha Pemuda UMNO adalah pengiktirafan Najib kepada komitmen Sulaiman sendiri sejak UMNO dipulihkan tetapi perlantikan Ariss Shamsuddin (Ketua Pemuda Parit Sulong) sebagai Exco hanya kerana 'menjaga hati' Pemuda Johor.

Apakah Pemuda UMNO Johor tidak malu dengan peristiwa ini hingga menyebabkan ada gelaran diberikan kepada negeri itu bahawa Johor hanya menawan makam

apabila Makam Pahlawan di Masjid Negara dibanjiri oleh anak-anak Johor yang terkemuka termasuk Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn manakala di perkarangannya pula Allahyarham Tun Sardon Jubir, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Tan Sri Abdul Kadir Yusof.

Di manakah letaknya kewibawaan anak-anak Johor yang pernah dilahirkan dengan bayangan kemahsyuran Datuk Onn Jaafar? Tugas siapa untuk mengilap kepimpinan Pemuda sebagai pelapis yang bakal mewarnai UMNO Johor di tahun-tahun akan datang?

Tentulah tugas ini terpikul di bahu ketua sekarang, Raden Basiron Said dan Naibnya, Haji Masri Saryani. Jika tidak, Johor terus menerus ketandusan kepimpinan baru kecualilah Muhyiddin mengambil satu inisiatif berani merubah keseluruhan hireki kepimpinan pemuda supaya ianya kembali bersengat.

Tidakkah bekas Ketua Pemuda Negeri, Nasir Safar terasa malu di bawah kepimpinannya bukan sahaja pemuda gagal merebut salah satu jawatan exco tetapi dua pemimpin pemuda yang cuba mempertahankan jawatannya turut kecundang dengan aibnya.

Tidak mustahil jika langkah berani diambil, Haji Asmaun Ismail mungkin akan dilantik menjadi Ketua Pemuda Negeri selepas diri dengan syarat beliau dibenarkan mengetuai Pemuda UMNO bahagian Pagoh manakala Syed Omar Syed Abdullah dari Cawangan Wadi Hana

mengetuai Pemuda UMNO Bahagian Johor Bahru dan dilantik menjadi orang nombor dua selepas Asmaun.

Dua nama lagi yang tidak mungkin boleh diketepikan ialah Khalid Nordin, Anggota Parlimen Johor Bahru dan Za'ba Aman, Timbalan Ketua UMNO Cawangan Seri Ledang(U) di Bahagian Pagoh juga boleh diberikan peranan untuk mengemilangkan semula Pemuda UMNO Negeri.

Tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada Basiron (Tebrau), Masri (Muar), Kamal Abdul Rahman (Segamat), Sulaiman (Labis), Amin Surat (Bakri), Jamaluddin Abu Bakar (Ledang), Bari Rajak (Pagoh), Muhamadun (Kota Tinggi), Aziz Kaprawi (Sri Gading), Kadim Buniran (Batu Pahat), Ariss(Parit Sulong), Ghaus Mohd Yusof(Johor Bahru), Nasir(Pontian), Ahmad Selamat (Sungai Benut), Ibrahim Atan (Pulai) dan lain-lain tentryata gagal untuk membantu kepimpinan peringkat negeri malahan gagal juga mempertahankan kreativiti pemuda itu sendiri.

Tidak mustahil jika benar dua bahagian baru wujud, iaitu Bahagian Gelang Patah dan Bahagian Tenggara membolehkan Asmaun dan Syed Omar diletakkan di sini untuk memulakan satu langkah baru di dalam usaha memulihkan wibawa Pemuda UMNO Negeri Johor.

Budaya hulur tidak akan dilakukan di zaman Muhyiddin dan harapan Pergerakan Pemuda untuk meminta ianya diperkenalkan mungkin gagal. Oleh itu, pemuda negeri memerlukan inisiatif sendiri untuk mencari

modal menjalankan aktivitinya dan tiada siapapun yang menggalakkan budaya mencuri pisang yang diperkenalkan oleh pemuda UMNO Johor.

Dalam tulisan saya yang lalu (Media Islam keluaran 8 November 1992), penekanan masalah budaya mencuri pisang membuktikan Pergerakan Pemuda UMNO Negeri tidak mempunyai alasan konkret untuk mempertikaikan agihan rezeki di Johor.

Ini disebabkan PKENJ dengan anak-anak syarikatnya sudah banyak memberikan peluang bermiaga secara usahasama dengan mana-mana pihak tetapi mengapakah tiada inisiatif dari Pemuda Negeri untuk mencari peluang bermiaga daripada perkembangan perniagaan PKENJ.

Secara rasionalnya, mengapakah UMNO boleh menegur raja-raja sebaliknya UMNO tidak boleh menegur Pergerakan Pemuda? Adakah status ataupun taraf Pemuda UMNO melebihi daripada kedudukan raja-raja yang mendapat perlindungan perlombagaan?

Nasir seorang pemimpin pemuda yang lantang mengkritik beberapa isu besar negara termasuk MTUC, soal peribumi dan kontroversi Semangat 46 dengan UMNO suatu ketika dahulu tetapi mengapakah kini beliau tidak boleh ditegur dan dikritik?

Memetik kata-kata Dr. Mahathir ketika mengulung perbahasan di Perhimpunan Agung yang baru selesai bahawa tiada jalan mudah untuk mencapai sesuatu kejayaan dan tempuhilah laluan yang sukar supaya nanti

kita mampu bersaing, berlumba dan berjuang dengan lain-lain bangsa di dalam apa-apa juga bidang.

Oleh itu, zaman memohon kawasan kuari, pasir dan hutan balak sudah berakhir dan Pemuda UMNO perlu berdiri di atas kaki sendiri supaya tidak terasa termakan ataupun terhutang budi dengan sesiapa yang membolehkan mereka bersuara mendesak ataupun mengkritik sesuatu isu terhadap mana-mana kepimpinan yang mereka rasa tidak betul melakukan sesuatu.

Pemuda Johor perlu sedar cara berpidato yang berapi-api sekalipun tidak akan memberi makna kepada perjuangan kecuali mereka boleh membuktikan selain dari berpidato, mereka juga perlu agresif, komited dan berdaya maju. Peluang-peluang yang diberikan oleh kerajaan mestilah direbut dengan sihat dan bukan hanya memeluk tubuh dan kemudian membuat kritikan kononnya kerajaan tidak memberikan projek itu kepada mereka sebaliknya kepada orang lain.

Tindak antidak popular diambil oleh Muhyiddin bukan kerana berdendam dengan Pergerakan Pemuda sebaliknya mahu mengejutkan Pergerakan Pemuda daripada lena yang panjang supaya bangkit dan mengambil peluang yang ada tetapi beliau akhirnya terpaksa menanggung risiko dibelasah oleh pemuda bukan sahaja di peringkat negeri sebaliknya di peringkat pusat.

Mungkinkah ini akan menyebabkan bermulanya perang terbuka antara Muhyiddin dengan pemuda?

# Syed Hamid Rapat Dengan Sanusi



SYED HAMID... 'pr' nya baik jika dibandingkan dengan lain-lain menteri. Begitu juga dengan Setiausaha-setiausahaannya. Setahun berapa kali beliau buat kelas 'pr' tiada siapa yang tahu tetapi sedikit sebanyak sokongan rakyat terhadapnya semakin meningkat kerana sikapnya yang tidak meninggi diri walaupun setalah popular.

**ALBAR** bermakna setia. Itulah sebabnya Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar setia kepada perjuangannya walaupun berkrisis dengan Tunku Abdul Rahman (Almarhum) di dalam isu perpisahan Singapura dari Malaysia.

Kisah setia ini seperti ada persamaan dengan kisah anak Allahyarham yang terus setia kepada UMNO walaupun beliau hilang jawatannya dengan gaji yang amat lumayan di BBMB tetapi digugurkan disaat-saat akhir di dalam pilihanraya umum 1986 daripada mewakili UMNO.

Jika Dato' Syed Hamid Tan Sri Syed Jaafar Albar terpilih bertanding di dalam pilihanraya umum 1986, mungkin beliau tidak terus terpilih sebagai Menteri sebagaimana cerahnya bintang beliau selepas pilihanraya umum 1990 yang lalu.

Ini disebabkan suasana politik sebelum ini, di mana beliau dikatakan proxy Dato' Musa Hitam di dalam sebarang tindak tanduknya termasuklah keputusan yang diambilnya untuk menentang Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Menurut Dato' Tajol Rosli Ghazali yang mengenali Syed Hamid sejak di bangku sekolah lagi, bahawa beliau seorang yang tegas dan patuh kepada pendirian yang dibuat. Tidak mungkin beliau boleh digunakan oleh sesiapa, sama ada Musa ataupun orang lain di dalam mempengaruhinya membuat keputusan. Itulah sebabnya

apabila beliau mengesahkan akan bertanding jawatan Ketua Pemuda, ramai yang menganggap beliau akan menarik diri di saat-saat akhir tetapi tidak berbuat demikian sebagai mengesahkan kata-kata tegas dan patuh kepada pendirian itu.

Soal beliau bersama-sama satu-satu kumpulan itu hanyalah secara kebetulan sahaja kerana beliau kelihatan boleh berdiri sendiri tanpa perlu dilabelkan di mana-mana kem.

Syed Hamid secara jasmaninya sudah sepatutnya bergelar Yang Berhormat pada pilihanraya umum 1986 dan bertanding mewakili UMNO di kawasan Parlimen Sungai Benut, satu kawasan baru yang diwujudkan dari pecahan Bahagian Kluang, Sri Gading dan Pontian.

Antara calon yang disebut-sebut bakal mewakili kawasan itu ialah bekas Ahli Parlimen Pontian, Ikhwan Nasir, Timbalan Ketua UMNO Bahagian itu, Mohd Zaid Siraj dan Syed Hamid sendiri. Entah apa percaturannya, walaupun ada pihak yang mendakwa bahawa pihak istana menolak beliau, akhirnya Tawfik Tun Dr. Ismail terpilih bertanding di situ untuk mengesahkan wakil UMNO sebenarnya bukan Ketua UMNO Bahagian Bukit Bintang ini.

Lebih menghairankan jika benar pihak istana menghadapi masalah dengan Syed Hamid mengapaakah gelaran Dato' dari istana Johor dianugerahkan kepadanya awal tahun ini. Sebagaimana yang diketahui gelaran Dato'

dari istana Johor bukanlah gelaran yang mudah diterima kerana pihak istana amat berhati-hati dengan sebarang anugerah hingga menyebabkan Haji Muhyiddin selaku Menteri Besar lebih dahulu menerima gelaran Tan Sri daripada gelaran Dato' dari istana Johor sedangkan Yang Di-Pertuan Agung ketika itu ialah Baginda Sultan Johor sendiri.

Beliau dikatakan sudah cukup bersedia untuk bertanding mewakili UMNO dan telah melepaskan jawatannya di Bank Bumiputra untuk menceburkan diri secara sepenuh masa di dalam kancah politik. Malahan Syed Hamid dikatakan sudah berada di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar Johor (Dato' Ajib Ahmad ketika itu) untuk persiapan terakhir sebagai persediaan untuk hari penamaan calon.

Satu kisah lain disebut, Tawfik sepatutnya bertanding di kawasan Parlimen Parit Sulong apabila bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hajah Sharifah Dora Syed Mohamad tidak terpilih bertanding semula, tetapi atas persetujuan 'pihak istana', beliau dipindahkan ke Sungai Benut, manakala Syed Hamid yang sepatutnya bertanding di situ diketepikan.

Tanpa sebarang rasa kecil hati dan merajuk, anak kepada bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang lebih dikenali sebagai 'Singa UMNO', Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, Syed Hamid tidak naik kerana nama bapanya sahaja tetapi kewibawaan beliau semakin ter-

serlah kebelakangan ini dengan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang.

Menurut satu cerita lain pula, Dr. Mahathir lebih mengenali Allahyarham Syed Jaafar Albar daripada mengenali Syed Hamid dan beliau melantik Syed Hamid berdasarkan rekod dan kecermelangan tokoh UMNO itu dan beliau (Perdana Menteri) terkejut dengan bakat dan kewibawaan yang ditunjukkan oleh Syed Hamid setakat ini.

Di dalam pilihanraya umum 1986 itu, beliau banyak menghabiskan masanya tolong berkempen di kawasan Sungai Benut tanpa menunjukkan beliau menghadapi sebarang masalah apabila diumumkan tidak terpilih bertanding di kawasan tersebut.

Berbeza dengan lain-lain pemimpin UMNO (bukan semua) yang tidak terpilih bertanding di mana-mana kawasan, termasuk kawasan sendiri kerana ditamatkan kerana terlalu lama atau sebagainya akan cuba menghilangkan diri dari kawasan itu ataupun berusaha mensabotaj secara diam-diam dan bertindak tidak keluar membuang undi dengan hasrat calon yang menggantikan tempat mereka itu akan tewas ataupun menang dengan undi yang kecil, lebih kecil dari undi yang mereka pernah miliki.

Sepanjang sepenggal pemerintahan kerajaan (1986-1990) apabila Perdana Menteri mengumumkan pembubaran Parlimen, di dalam satu Sidang Akhbar

selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan Musa tidak mahu bertanding di dalam pilihanraya.

Maka, bermulalah cakap-cakap yang meramalkan siapakah bakal calon UMNO yang menggantikan Musa di Kota Tinggi. Antara nama-nama yang disebut-sebut ialah Encik Hasmoni Salim, Ketua UMNO bahagian itu dan Dato' Shahrir Abdul Samad, Ahli Parlimen Johor Bahru ketika itu. Nama Syed Hamid tidak disebut kerana beliau dikatakan terpilih bertanding di Muar ataupun Sungai Benut, kawasan lamanya yang mencatat sejarah tersendiri.

Di Muar, seorang calonluar diperlukan kerana krisis yang berlarutan antara Ketua UMNO bahagian itu, Aziz Yassin dengan bekas Ketua Penaja yang tewas, Mohd Nor Mohd Dom menjanjikan UMNO tewas di dalam pilihanraya kali ini dengan pengaruh kuat Semangat 46, pimpinan bekas Ketua UMNO Bahagian Muar, Haji Kahar Ahmad.

Bagaimanapun, kerusi Parlimen Kota Tinggi rupanya menjanji sesuatu yang istimewa kepada wakilnya, Syed Hamid apabila beliau dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, satu-satunya jawatan yang agak senior di kalangan menteri-menteri pusat.

Perlantikan ini seolah-olah ada kisah menarik di sebaliknya kerana Syed Hamid seperti di bayar akibat kerugian yang ditanggungnya sewaktu meletakkan

jawatan dari BBMB dalam tahun 1986 kerana dikatakan terpilih bertanding di Sungai Benut, sebaliknya menjadi penganggur dan terpaksa menjalankan perniagaan lamanya sebagai peguam.

Soal beliau dianggap sebagai 'orang Musa' tidak timbul sama sekali kerana Dr. Mahathir pernah melantiknya sebagai Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO sebelum beliau bertindakmenentang Anwar sebagai Ketua Pemuda. Malahan Syed Hamid tidak dianggap sebagai muka baru di dalam UMNO kerana sebelum inipun popularitinya tidak mampu disekat-sekat sehingga beliau berjaya menewaskan Mokhtar Omar (sekarang Dato') untuk mengekalkannya sebagai Ketua UMNO Bahagian Bukit Bintang.

Dari segi kegiatan sosialnya, Syed Hamid adalah Naib Presiden MAYC, dan tidak hairanlah beliau sering dikatakan lebih intim dengan Dato' Seri Sanusi Junid, Presien MAYC daripada Anwar, dua kem Naib Presiden terbesar setakat ini.

Namun demikian, sama ada kem Sanusi ataupun Anwar, Syed Hamid lebih cenderung untuk bekerja daripada bermain politik. Tidak hairanlah antara ramai menteri-menteri sekarang, beliau kelihatan lebih senior daripada yang lain-lainnya kerana mampu 'bersaing' daripada segi kerjanya, kenyataan-kenyataan akhbarnya mahupun kegiatan politiknya.

Dengan undi 1,223 dan menduduki tempat kelima

dalam susunan Ahli MT, beliau sudah membuktikan keunggulannya sebagai 'muka baru' yang paling banyak menerima undi daripada perwakilan UMNO. Di dahului oleh Dr. Yusof Noor, Muhammad Muhd Taib, Ramli Ngah Talib dan Khalil Yaakob, menyebabkan belia disebut-sebut mampu untuk berhadapan dengan Dato' Najib Tun Razak bagi merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Tidak mustahil untuk beliau mengutip lebih banyak undi dan memperbaiki kedudukannya di dalam pemilihan akan datang berdasarkan rekod menteri-menteri yang duduk di Jabatan Perdana Menteri sebelum ini termasuk Dr. Yusof dan Khalil Yaakob.

Bersediakah Syed untuk berhadapan dengan Najib sebagaimana beliau pernah menentang Anwar dahulu untuk jawatan yang sama? Jawapannya sudah diketahui umum bahawa beliau tidak mahu mengganggu sesiapa malahan menyokong kepimpinan Najib mengetuai sayap parti itu.

Malahan beliau pernah menangis ketika berucap mewakili Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan di Perhimpunan Agung UMNO kerana kesal terlibat dengan team B di dalam pemilihan parti 1987. Namun demikian, pendapat ramai menyifatkan Syed Hamid tidak keterlaluan di dalam kempen-kempennya jika dibandingkan dengan bekas-bekas menteri yang membocorkan rahsia kerajaan.

Selama mana beliau akan mengekalkan kedudukannya

sebagai Ketua UMNO Bahagian Bukit Bintang dan mewakili kawasan Parlimen Kota Tinggi di Johor. Selagi beliau tidak dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri, selagi itulah beliau tidak akan dapat menyumbangkan ideanya kepada UMNO Johor.

Cara terbaik untuk menduduki kerusi Perhubungan UMNO Negeri ialah dengan mengetuai salah satu bahagian UMNO di Johor. Ini bermakna beliau mungkin akan mengetuai UMNO Bahagian Kota Tinggi tetapi setakat ini UMNO di situ di ketuai oleh Hasmoni, Ahli Dewan Undangan Negeri Penggerang dan bekas Exco Pertanian dan Perikanan Negeri.

Syed Hamid yang kini menjawat jawatan Timbalan Pengurus Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan disebut-sebut bakal mengetuai UMNO Bahagian Tenggara, satu bahagian baru yang bakal diwujudkan di dalam pembahagian semula kerana setakat ini SPR belum lagi membuat sebarang pengumuman mengenainya.

Setelah UMNO Johor gagal menempatkan Muhyiddin sebagai Naib Presiden di dalam pemilihan tahun 1990, mungkinkah pusingan berikutnya, selepas pemilihan 1993 ini, Syed Hamid akan diketengahkan sebagai calon Naib Presiden yang bukan sahaja mewakili Johor sebaliknya mewakili selatan termasuk Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Calon dari selatan yang paling akhir menduduki

kerusi Naib Presiden ialah Encik Ghafar Baba apabila beliau meninggalkan kerusi itu untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam tahun 1987. Calon dari Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik dan calon dari Johor sepatutnya ada perkiraan sendiri tanpa bertanding sesama sendiri bagi mengelakkan perpecahan undi.

Namun demikian, tidak mustahil untuk dua calon dari selatan terpilih menduduki kerusi Naib Presiden kerana sebelum inipun pernah ketiga-tiga calon dari selatan memenanginya, dua dari Johor dan seorang dari Melaka. Mereka ialah Tun Sardon Jubir dan Tun Hussein Onn (kedua-duanya Allahyarham) dari Johor dan Ghafar dari Melaka.

Syed Hamid tidak perlu pulang untuk menjadi Menteri Besar Johor kerana bintang beliau lebih cerah di pusat jika dibandingkan dengan nama-nama lain yang sebaris dengannya. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan beliau mungkin menduduki kerusi menteri yang kanan sama ada di Kementerian Pertanian ataupun Pendidikan jika berlaku rombakan kabinet akan datang memandangkan prestasi yang beliau tunjukkan menjelang tahun ketiga beliau sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang.

Ulasan-ulasan dan kenyataan-kenyataan akhbarnya seringkali tepat dan tidak mengelirukan walaupun kadangkala ianya menyinggung banyak pihak khususnya parti-parti pembangkang. Malahan Syed Hamid tidak

pernah disifatkan oleh mana-mana pihak sebagai bertindak untuk mengampu pucuk pimpinan berlain dengan lain-lain tokoh yang ada.

Ini membuktikan beliau membuat kajian dan bercakap berdasarkan fakta dan bukan mengikut sesedap mulut sahaja. Tidak menghairankan kenyataan beliau lebih kepada formula untuk menyelesaikan kekusutan dan bukan menambah kekeruhan. Jika beliau bertahan dengan caranya, dan secara perlahan-lahan meningkatkan kualiti kepimpinan yang ada, Syed Hamid akan mencatat sesuatu rekod yang luar biasa di dalam kariernya di masa-masa akan datang.

Hubungan beliau dengan Ketua Pergerakan Pemudanya, Ruzlan Ali Omar melihatkan kemantapan UMNO di bahagian itu di samping Ketua Wanita, Hajah Faridah Abu Hassan. Tidak mustahil Ruzlan ataupun Faridah antara calon paling layak menggantikannya sebagai Ketua UMNO Bahagian Bukit Bintang jika benar beliau berpindah keahlian di Johor.

Daripada beberapa pertemuan antara penulis dengan Mokhtar yang pernah menentang Syed Hamid, beliau tidak berkeyakinan untuk mengetuai UMNO di situ kerana menurutnya sokongan yang Syed Hamid terima amat padu dan siapa yang bakal ditunjukkan sebagai ketua bahagian adalah calon paling selamat.

Ruzlan, Exco Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Pemuda Wilayah Persekutuan manakala

Faridah pula adalah Exco Wanita UMNO dan Exco Pergerakan Wanita, membuktikan kepimpinan UMNO Bahagian Bukit Bintang sahaja bukan sahaja diterima oleh ahli-ahli UMNO di Bukit Bitnang sebaliknya dari seluruh negara.

# **"MEMELIHARA KEUNGGULAN BANGSA"**

UCAPAN  
TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN  
HAI MOHD. YASSIN  
PENGERUSI BADAN PERHUBUNGAN UMNO  
NEGERI JOHOR  
MERANGKAP  
MENTERI BESAR JOHOR  
DI KONVENSYEN UMNO JOHOR 1992  
PADA 9HB. OKTOBER, 1992 JAM 2.45 PETANG  
DI DESARU, KOTA TINGGI, JOHOR.



TOK MAT, Muhyiddin, Yassin Mustaffa dan Daud Taha (belakang). Mereka adalah pemimpin dari Johor. Hari ini Yassin naik, Mustaffa jatuh, Muhyiddin naik Othman Saat jatuh. Itu perkara biasa, turun naik adalah lumrah di dalam perjuangan.

Bismillahir Rahmaanir Rahim

Saya bagi pihak badan perhubungan UMNO Negeri Johor ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim, Naib Presiden UMNO Malaysia, kerana sudi menerima undangan dan hadir untuk merasmikan konvensyen UMNO Negeri Johor 1992 ini. Penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada jawatan kuasa badan perhubungan UMNO negeri serta pihak sekretariat yang bekerja keras bagi menjayakan konvensyen ini. Kepada saudara-saudara yang datang dari Bahagian-bahagian UMNO di seluruh negeri saya ucapkan selamat datang ke konvensyen yang sangat besar ertinya kepada kita semua.

Saudara -saudara sekalian. Alhamdulillah. Marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana dengan izin dan taufik hidayahnya kita sekali lagi dapat berkumpul dan mengadakan konvensyen dalam suatu suasana yang aman , tenang dan penuh dengan semangat persaudaraan dan setiaawan. Inilah asas kekuatan UMNO yang kita perjuang dan pertahankan selama ini. Hasil dan nikmatnya bukan sahaja dapat kita kecapi dalam kehidupan seharian. Tetapi dapat pula kita menyatukan akal dan fikiran dalam sebuah konvensyen yang sangat penting maknanya bagi kita untuk terus berjuang demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Saya harap kita

semua dapat memanfaatkan suasana tenang ini dengan fikiran yang terbuka bagi memikir, membincang dan membahaskan usul-usul yang diharap dijadikan sebagai garis panduan bagi kita merancang dan melaksanakan segala program pembangunan untuk kepentigan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya. Sebab itulah saya menekankan betapa pentingnya suasana tenang dan semangat setia kawan dalam Umno ini dikekalkan. Beberapa peristiwa yang lalu telah mengajar kita bahawa kekucar-kaciran, pertelagahan dan pertentangan dalam parti telah menghabiskan banyak masa kita kepada soal-soal yang tidak menguntungkan mana-mana pihak. Sedangkan masa itu sebaiknya kita gunakan untuk rakyat. Kita harap biarlah sejarah hitam 1987 tinggal dalam lipatan sejarah. Kebetulan kini kita masih berada dalam bulan Maulud, marilah kita sama-sama menghayati semangat Maulid Rasul dan mengambil iktibar daripada perjuangan Rasulullah untuk kita memperkuatkan kekuatan parti yang telah kita bina sekian lama. UMNO yang menjadi nadi kepada perjuangan bangsa Melayu kemasyarakatan diri ke tengah-tengah rakyat jelata agar mereka sedar bahawa UMNOlah satu-satunya parti politik yang memperjuangkan nasib agama, bangsa dan negara sejak ditubuhkan pada 1946.

Ketahanan UMNO sebagai organisasi serta pengekalan pengaruh terhadapnya bergantung kepada pelbagai faktor sama ada secara individu atau organisasi melalui jalinan

semangat ini, yang sesama ahli parti. Ahli-ahli UMNO perlu menjaga semangat ini, yang dipupuk melalui citarasa yang sama terhadap matlamat dan falsafah perjuangan parti. Kita juga perlu mewujudkan intergrasi politik di mana penggabungan dan penyatuan masyarakat politik dapat saling berinteraksi dengan keinginan untuk bersatu. Kadangkala berlaku ketahanan dan intergrasi itu mengalami kemerosotan atau terus tergugat apabila berlaku sesuatu insiden negatif yang membabitkan ahli-ahli parti seperti yang berlaku pada tahun 1987. Misalnya, persoalannya, apakah jenis tindakan dan perbuatan yang boleh menggugat keutuhan parti ini?

## **KEPEMIMPINAN BERKUALITI DAN KUALITI KEPEMIMPINAN**

Politik selalu dihubungkan dengan "kotor". Politik itu kotor. Tetapi bagi orang politik, mereka mempertahankan diri mengatakan: "Yang kotor bukannya politik, tetapi orangnya". Orang politiklah yang menjadikan politik itu kotor. Kenyataan ini mungkin ada kebenarannya. Pada hakikatnya, apa bidang sekalipun dalam kehidupan kita ini boleh bertukar menjadi kotor oleh tindakan manusia. Bidang ekonomi sering berubah menjadi kotor oleh persaingan dan perlawaan yang tidak sihat dalam mencari keuntungan. Orang politik pula ada yang menjadikan politik sebagai wasilah untuk mendapat pelbagai faedah

kehidupan, malah ada yang mengutamakan kepentingan diri daripada menumpukan perhatian kepada perjuangan politik itu sendiri. Kegiatan politik mereka jadikan sebagai kuda tunggangan. Dunia politik seolah-olah membuka banyak sekali kemungkinan untuk berlakunya pelbagai skandal.

Setiap hari kita boleh melihat kemungkinan-kemungkinan ini berlaku di merata negara di dunia. Hal sedemikian tidak mustahil boleh berlaku di negara kita, khususnya dalam parti UMNO. Politik yang sering dikotori oleh tipu-helah, hasad-dengki, politik wang, rasuah hingga kepada pelbagai bentuk skandal yang lain, tidak mustahil ramai orang mengatakan politik itu kotor.

Fenomena-fenomena negatif dalam institusi kepemimpinan berlaku dalam tahap yang merata, tanpa mengira zaman dan ketokohan seseorang. Pada zaman silam misalnya, institusi kepemimpinan dinsati Umaiyyah dan Abasiyyah dilanda krisis yang besar dan telah melemahkan struktur politik dinasti tersebut hingga membuka jalan kepada musuh-musuh luar mengganggunya. Pada zamankedua-dua kerajaan ini, perebutan jawatan sentiasa berlaku. Saya sengaja menekankan soal ini semata-mata untuk mengajak saudara-saudara merenung dan mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa yang boleh menjasakan kepemimpinan. Malahan dalam sejarah politik Melayu sendiri hal sedemikian sering terjadi. Sejak zaman dulu lagi rekod sejarah

melaporkan tentang pelbagai kelemahan dalam kepemimpinan Melayu seperti perebutan jawatan melalui perbuatan menfitnah. Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Buku sejarah menceritakan dengan jelas, unmpamanya Sultan Mahmud di Melaka yang mengambil Tun Teja daripada daripada tunangnya Abdul Jamil, Raja Pahang atau kisah Sultan Mahmud memerintahkan Tun Isak membunuh Tun Ali semata-mata mahukan Tun Dewi.

Itulah antara peristiwa-peristiwa buruk di luar tatasusila murni yang telah berlaku dalam masyarakat kepemimpinan Melayu dahulu. Mereka mengeksploitasi kedudukan untuk mendapat sesuatu dan memuaskan nafsu dengan tidak mengira aspek keagamaan, kesusilaan dan nilai-nilai murni kemanusiaan. Kes-kes ini menggambarkan tentang rendahnya nilai akhlak berbanding dengan tahap kuasa dan kedudukan. Akibatnya ialah porak-peranda dalam institusi itu sendiri dan memberi kesan pula kepada rakyat. Bukanlah mustahil hal sedemikian berlaku dan terus berlaku hingga ke hari ini jika kepemimpinan Melayu, khususnya UMNO tidak memberi perhatian terhadap persoalan ini.

Oleh itu pada pendapat saya, antara perkara asas yang penting dan boleh mewarnai institusi kepemimpinan ialah soal sahsiah atau personaliti. Jarang-jarang sekali wujud kestabilan dan kekuahan pimpinan jika orang yang terbabit itu mencipta rekod buruk ketika ia

berkuasa. Watak yang baik boleh membantu mutu rakyat terhadap kepimpinannya.

Kalau kita dapat mengimbas kembali apa yang berlaku dalam UMNO pada 1988 dan 1989, ia sungguh membimbangkan. Perpecahan parti terjadi dari peringkat tertinggi hingga ke cawangan-cawangan di pedalaman. UMNO (baru) ditubuhkan apabila UMNO lama diharamkan. Sebahagian daripada ahli UMNO menubuhkan Semangat 46. Masing-masing bergerak aktif mencari sambil mengekalkan pengaruh. Apa sahaja perhimpunan sama ada bercorak sosial, politik atau agama, semuanya diseret ke gelanggang politik. Dunia politik Melayu semacam sudah kehilangan kod etika baik tradisi berparti atau susila budaya dan agama, sehingga berleluasnya politik caci-maki, politik fitnah, politik wang, politik adu-dumba dan lain-lain. Gaya politik tidak bermaruah ini diterjemahkan ke dalam pelbagai ragam media seperti ucapan-ucapan, forum, kain rentang, papan tanda, surat layang, video malah hingga kepada penggunaan fizikal. Pilihanraya Johor Bahru, Ampang Jaya, Parit Raja dan Tambatan benar-benar memperlihatkan beberapa pihak cuba memberi justifikasi semangat dan komitmen berdasarkan budaya pemikir sekular Itali, Machiavelli.

Pelbagai bentuk dan peristiwa negatif lama dan baru seperti yang saya jelaskan tadi adalah membayangkan maksud pentingnya hubungan akhlak dan pemimpin

sebagai asas utama kepada kualiti kepemimpinan bagi melahirkan kepemimpinan berkualiti. Dalam keghairahan berpolitik, kadang-kadang kita lupa dengan soal yang amat dasar ini. Hubung kait yang jelas wujud di sini ialah apabila personaliti seseorang pemimpin, didominasikan oleh nilai-nilai fadilah (virtue) serta akhlak yang tinggi, dan ia menjadi kunci perlakuan berakhlak (key to ethical behavior), maka nilai-nilai baik yang membudayakan seseorang pemimpin itu akan berkesan dalam tindak tanduk politiknya sekaligus mewarnai obligasi politiknya. Akhlak yang tumbuh dari dalam diri adalah lebih besar kesannya dalam kehidupan kita.

Sebagai parti yang menjadi teras kepada kepemimpinan kerajaan, UMNO hendaklah menitikberatkan soal kualiti pemimpin-pemimpin yang dikemukakan kepada rakyat. Di samping itu kita juga perlumemerhatikancorak dan kualiti organisasi parti, mengenai kegiatan-kegiatan yang berjalan sepanjang masa bagi melicinkan pentadbiran parti. Kita sedar kalau kita tidak memerhatikan kedua-dua perkara ini, parti tidak akan kukuh walaupun ia mungkin mempunyai dasar-dasar yang baik dan boleh diterima oleh rakyat. Rakyat mesti mendapat gambaran bahawa pemimpin-pemimpin UMNO yang wujud pada sesuatu masa itu terdiri daripada orang-orang yang boleh dipercayai, beramanah dan tidak mengorbankan orang ramai dengan perbuatan mereka. Pemimpin-pemimpin yang tidak jujur tidak akan kekal di atas walaupun mereka

mungkin merupakan orang yang berpengaruh dan pernah berjasa kepada parti pada waktu-waktu tertentu. Ini sudah sewajarnya bagi menjamin keutuhan dan keupayaan parti mentadbir kerajaan secara bertanggungjawab. Amanah dan bersedia untuk mempertahankan kepemimpinan parti. Tanpa kejujuran dan sikap bertanggungjawab pemimpin-pemimpin, mana-mana parti sekalipun akan menjadi lemah dan kerajaan yang dipimpinnya akan jatuh.

## ERATKAN HUBUNGAN UMNO DAN RAKYAT

Di samping itu, para pemimpin dan ahli-ahli UMNO perlu mewujudkan "rapport" dengan masyarakat ramai sehingga tidak ada perasaan bahawa UMNO adalah sebuah parti untuk orang-orang yang daif. UMNO hendaklah merakyatkan diri hingga ke akar umbi. UMNO mestilah memenangi hati rakyat melalui pelbagai tindakan dan amalan yang selaras dengan jiwa dan nilai-nilai rakyat umum. Perhubungan dengan rakyat hendaklah diadakan selalu melalui dialog-dialog parti, perjumpaan antara tokoh-tokoh parti dan orang-orang yang berpengaruh dalam masyarakat dan majlis-majlis keramaian. Hubungan yang sentiasa wujud antara parti dan rakyat akan menambahkan lagi kepercayaan yang sentiasa wujud antara parti dan rakyat akan menambahkan lagi kepercayaan dan sokongan mereka terhadap parti. Insya Allah, dengan ini juga keahlian

parti UMNO di Johor yang akan menghadapi banyak masalah jika hubungan baik antara UMNO dan rakyat umum dapat dikekalkan. Kita tidak mahu usaha-usaha UMNO yang baik terhalang kerana pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya tidak memahami psikologi ramai. Dengan adanya langkah-langkah yang imiginatif ini diambil oleh UMNO, lambat laun akan meninggalkan kesan baiknya ke atas seluruh rakyat. Rakyat dapat melihat bahawa UMNO benar-benar jujur untuk membela kedudukan mereka. Daripadanya akan lahir sokongan yang kuat kepada parti. Rakyat perlu dididik supaya sebat dengan kerajaan dan mengidentifikasikan kepentingan mereka dengan kepentingan kerajaan. Di sini, UMNO, para pemimpin dan ahli-ahlinya boleh memupuk satu imej yang UMNO selaku teras kerajaan adalah pertubuhan orang Melayu yang benar-benar bertanggungjawab dan berkemampuan untuk memelihara kepentingan mereka dan negara seluruhnya.

Ahli-ahli UMNO dan orang ramai juga patut disedarkan supaya bersyukur sesudah beroleh bantuan daripada kerajaan. Yang menjadi masalah sekarang, ramai yang tidak tahu bersyukur. Ada ahli-ahli parti yang berkata, mereka tidak dapat apa-apa sedangkan mereka telah menerima jawatan politik daripada kerajaan. Ada rakyat yang menyebut di kampungnya tidak ada kemajuan apa-apa sedangkan terdapat jalan raya yang baik, ada bekalan elektrik dan air yang mencukupi, anak-anak

mereka memasuki kolej atau universiti dan bekerja dengan kerajaan. Ada yang bekerja dengan kerajaan berkata, parti tidak berbuat apa-apa untuknya, sedangkan dengan adanya program-program partilah maka peluang-peluang pekerjaan bertambah dan mereka turut mendapat pekerjaan. Sebenarnya, kerajaan melalui pimpinan parti mengadakan peluang-peluang ekonomi secara umum dan kalau ada orang mendapat faedah daripadanya, adalah kerana parti.

Pembangunan penting bagi rakyat untuk menaikkan taraf mereka sebagai manusia yang bermartabat. Kepincangan dalam kehidupan material akan menjadikan sesuatu bangsa itu hina. Dengan adanya pertumbuhan ekonomi melalui program-program yang imiginatif, rakyat berpeluang mengecap hidup yang baru. Rakyat yang selama ini tertinggal dan terbiar boleh dibantu mendapatkan pekerjaan atau peluang-peluang membina ekonomi sendiri. Ini dengan syarat mereka tidak terlalu memilih pekerjaan dan bersedia sanggup bekerja keras. Kerajaan tidak putus-putus memikirkan apa lagi yang terbaik mahu dibuat untuk rakyat.

Mereka yang tidak berfahaman mungkin boleh mencemuh usaha-usaha pembangunan kerajaan sebagai mementingkan material semata-mata. Sebenarnya orang-orang seperti ini mahu menutup kegagalan mereka. Kalau diberi peluang mereka lah yang pertama merampas faedah-faedah ekonomi. Walhal sekarang mereka beria-ia

menuduh sikap material kerajaan. Kita tidak pernah meremehkan pembangunan dengan mengetepikan aspek-aspek lain dalam kehidupan rakyat. Sebagai orang Melayu dan umat Islam kita sedar akan tanggungjawab kita terhadap aspek-aspek perjuangan yang non-material, yang melambangkan ketinggian dan keluhuran cita-cita bangsa kita. Kita tidak bertujuan untuk menjadi perkakas atau alat material sahaja tanpa memikirkan kedudukan bangsa, agama dan tanahair. Ini jelas dapat kita lihat pada sembilan cabaran yang terkandung dalam wawasan 2020 yang menekankan keseimbangan dan kespaduan antara pembangunan moral, spiritual dengan fizikal dan material.

Dalam hubungan ini kita patut juga merenung kembali falsafah parti yang bertunjangkan Islam dan nasionalisme dengan menggunakan lunas-lunas demokrasi bagi mencapai matlamat perjuangan. UMNO selalu disebutkan sebagai sebuah parti yang tidak berideologi oleh pihak pembangkang. Orang-orang kita juga turut berkata demikian, kerana UMNO begitu mementingkan pragmatisme dalam tindak-tanduk politik dan ekonomi. Sememangnya pragmatisme menjadi sifat parti kita demi menjaminkan flexibility dalam politik dan pembangunan yang begitu kompleks. Namun ini bukan bermakna UMNO sebuah parti politik yang pragmatis semata-mata. UMNO mempunyai dasar dan ideologi sendiri, tetapi tidak mahu menonjol-nonjolkannya supaya mengelakkan

persengketaan ideologi dan demi membolehkan kerjasama dengan parti-parti yang berbeza ideologi dalam Barisan Nasional.

Seperti yang dilihat, sejak awal penubuhan UMNO menjadi pusat tumpuan nasionalisme. UMNO akan terus memperjuangkan cita-citanya yang ideal, yang tidak terhad kepada material sahaja. Kita akan menyuburkan Islam dan nasionalisme dalam satu konteks yang boleh diterima oleh semua orang melayu dan tidak membangkitkan kebimbangan di kalangan bukan Melayu. Kita tidak boleh berharap kepada pembangunan semata-mata untuk menentukan keunggulan dan keutuhan parti, bangsa serta negara kita.

Saudara-saudara sekalian, kita berada pada suatu era baru dunia yang cukup mencabar. Oleh itu kita harus memandang jauh ke hadapan, bertindak secara positif, berfikiran dinamik serta memiliki ketahanan mental dan spiritual. Mahu tidak mahu kita harus menerima hakikat perubahan dunia yang amat drastik ini. Kita tidak boleh lagi mempersempit kandiri, berada pada skopyang terbatas atau menjadi penonton di luar pentas. Sebaliknya, kita mesti ikut serta dan bersaing dalam perubahan yang pesat ini. Para peramal mengatakan pasifik adalah samudera masa depan. Dan kita berada dalam wilayah pasifik yang menyediakan segala macam kemungkinan untuk kita rebut dan nikmati. Rantau pasifik akan mengambil alih kedudukan dominan barat yang semakin merosot baik di

bidang politik, ekonomi, mahupun kebudayaan. Sesuai dengan wawasan 2020, maka sudah sewajarnya penyertaan kita menjadi lebih penting dan aktif. Lebih-lebih lagi bagi kita di Johor yang berjiran dengan sebuah negara yang sedang melangkah jauh maju ke hadapan. Kita menjadi lebih tercabar. Kita mesti peka dengan keadaan yang berlaku ini. Atas kesedaran itulah kerajaan negeri merangka pelan ekonomi Johor 1990 - 2005. Ini bukan bermaksud untuk menandingi atau menyaingi dengan program yang dilancarkan oleh kerajaan pusat, tetapi adalah semata-mata kerana kita berasa perlu lebih menggandakan usaha dan matlamat daripada yang dirancangkan.

## **KEADILAN SOSIAL DAN KUASA POLITIK**

Walaupun dasar ekonomi baru (DEB) yang lebih banyak menekankan soal membantu orang-orang Melayu sudah tamat, tetapi ini bukan bermakna Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang sedang kita laksanakan sekarang cuba meringankan soal berkenaan. Malah jika dihalusi, DPN lebih objektif kerana kerajaan sedar usaha-usaha untuk meninggikan taraf ekonomi orang Melayu seperti yang dimatlamatkan oleh DEB masih belum tercapai sepenuhnya. Kita masih dapat memberi pertolongan secara langsung kepada orang Melayu hari ini kerana orang Melayu masih memegang

tapak politik negara. Kita tidak dapat menyekat bantuan kepada orang-orang Melayu kerana usaha mengimbangi ekonomi antara golongan yang berada dengan tidak berada sudah menjadi dasar negara. Walaupun begitu ada orang-orang bukan Melayu yang berasa bantuan-bantuan kepada orang Melayu sudah melebihi batas. Mereka mahu bantuan-bantuan ini dihapuskan supaya kononnya dapatlah diwujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang adil. Tetapi mereka tidak sedar bahawa jika bantuan-bantuan itu dihentikan, orang Melayu tidak ada peluang langsung untuk menyamai taraf ekonomi bukan Melayu. Kita harap rakan-rakan kita bukan Melayu dapat memahami hakikat ini sedalam-dalamnya. Keadilan sosial itu harus dinilai secara rasional dan lebih bertanggunjawab. Saya percaya dengan kuasa politik yang ada kita dapat memperbaiki taraf ekonomi masyarakat Melayu agar setanding dengan bukan Melayu, maka jika kegentingan yang mungkin timbul dengan kemerosotan kuasa politik orang-orang Melayu tidaklah begitu serius. Setidak-tidaknya tidak ada bencana besar berlaku jika kuasa politik yang telah merosot dapat dialaskan dengan kemajuan ekonomi yang bertambah pesat. Hanya kuasa politik yang merosot dengan ekonomi yang merosot akan menimbulkan huru-hara. Dengan sebab itu amat mustahak kita menggunakan kuasa politik yang ada untuk mendatangkan faedah yang setinggi-tingginya kepada masyarakat Melayu. Saya bercakap ini adalah dalam konteks UMNO sebagai

teras kuasa. Kuasa ini bukanlah untuk tujuan merosakkan pihak lain tetapi demi menjamin kedudukan kita serta memperseimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Baik apapun, yang penting adalah Masyarakat Melayu itu sendiri yang perlu bersedia merebut peluang yang ada bagi memperbaiki kedudukan mereka sendiri. Untuk membolehkan orang Melayu bertindak lebih tegas, hendaklah dibentuk nilai-nilai baru dalam hidup dan mengubah sikap-sikap yang tidak sejajar dengan kemajuan dan pembangunan. Orang-orang Melayu tidak boleh cepat berpuashati dengan kejayaan-kejayaan yang kecil. Kita mesti membuat cukup persediaan untuk menghadapi kesusahan dan cabaran-cabaran di hadapan. Kita perlu bersikap lebih kritikal dan agresif tetapi rasional dan positif terhadap kemajuan yang pesat sekarang. Hanya dengan ini kita dapat berkembang maju dengan lebih cepat. Kita mesti mengambil peluang dengan keadaan yang kritikal ini untuk mewujudkan sebuah masyarakat Melayu baru sesuai dengan tuntutan zaman agar menjadi masyarakat berikhtiar dan bekerja dengan sungguh-sungguh hati untuk kemajuan umum. Saya yakin orang-orang Melayu boleh memperbaiki kedudukan mereka hingga setanding malah lebih tinggi pada kedudukan bangsa-bangsa lain jika mereka sanggup mengubah sikap, fikiran dan tindakan. Satu cara berfikir dan bertindak mengikut lunas-lunas baru yang saya jelaskan tadi sudah pasti akan mencetuskan satu revolusi sosial dalam masyarakat yang akan

membawa masyarakat Melayu menuju ke arah kemajuan.

Sepanjang setahun lalu, tegasnya selepas setahun konvensyen UMNO Negeri 1991 diadakan, kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan UMNO telah berjaya melaksanakan pelbagai program ekonomi, sosial, budaya dan agama yang memberikan faedah cukup banyak kepada rakyat. Amanah Saham Johor (ASJ) adalah satu-satunya kejayaan kita kerana ia dicetuskan hasil daripada resolusi konvensyen UMNO negeri tahun 1990. Hari ini rakyat khususnya orang-orang Melayu dan ahli-ahli UMNO telah melabur lebih \$240 juta dalam ASJ. Sambutan ini mencerminkan kesedaran bumiputera tentang perlunya melibatkan diri dalam pasaran modal negara. Pada kesempatan ini kita sangat terhutang budi dan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan pusat, khususnya kepada YB Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan kerana telah meluluskan permintaan kita untuk membenarkan jumlah pelaburan ASJ ditambah sebanyak dua kali, daripada \$200 juta kepada \$300 juta. Inilah satu-satunya amanah saham yang diberi saiz lebih daripada 100 juta unit. Jelas ini menunjukkan kerajaan pusat yakin akan kemampuan kita mengendalikan ASJ. Pelaburan Johor berhad yang menguruskan ASJ menjangkakan jumlah pelabur ASJ akan mencapai angka 600,000 dengan jumlah pelaburan kira-kira \$4.1 billion pada tahun 2005. Ahli UMNO Johor sewajarnya berbangga dengan kejayaan ini kerana hasil pemikiran saudara-

saudaralah maka ASJ dapat diwujudkan.

Namun kita tidak boleh berbangga begitu sahaja dengan kejayaan ini. Banyak lagi program-program ekonomi yang boleh kita rancangkan. Di depan kita terbentang segala peluang perniagaan dan perusahaan yang boleh kita lakukan.

## **PERTUMBUHAN PESAT PERLUKAN KOMITMEN**

Di pihak kerajaan negeri, dalam tempoh yang amat singkat ini kita telah berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi pada kadar purata sembilan peratus. Kedudukan kewangan negeri Johor terus bertambah baik. Melalui peningkatan hasil dan juga pengurusan kewangan yang terkawal, deficit terkumpul kewangan kerajaan negeri sebanyak \$195 juta dapat dihapuskan dan mulai tahun 1990 keadaan tersebut diganti dengan lebihan terkumpul sebanyak \$79.5 juta. Sungguhpun mungkin akan berlaku deficit yang kecil pada sesuatu tahun tertentu tetapi melalui lebihan terkumpul tersebut, kedudukan kewangan kerajaan negeri akan terus mantap pada beberapa tahun yang akan datang. Semua ini hasil daripada keberkesanan pentadbiran di samping kesungguhan kakitangan kerajaan bekerja bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan lancar dan menuju pada sasaran.

Sementara itu tabung amanah warisan Johor juga

mempunyai kedudukan kewangan yang mantap sesudah memiliki 30% saham Bank Buruh Berhad. Sehingga 30 Jun 1992 Tabung Amanah ini mencatat keuntungan lebih \$12.6 juta melalui pelaburannya dalam industri kewangan dan insuran. Ini menjadikan keseluruhan wang dalam tabung ini berjumlah \$201.4 juta. Ini adalah kumpulan wang simpanan bagi faedah masa depan rakyat negeri Johor. Setakat ini \$100 juta daripada \$320 juta wang tabung sudah dilaburkan. Untuk Rancangan jangka panjang agar pelaburan ditadbir dengan baik serta mendapat keuntungan besar, kerajaan akan mewujudkan pelan rancangan korporat kedua dibuat dengan kerjasama penasihat pelaburan, iaitu Pelaburan Johor Berhad bersama-sama dengan lima bank saudagar.

Saya ingin menarik perhatian di sini bahawa menjelang tahun depan negeri Johor akan mempunyai satu sistem perancangan termoden apabila pelan induk bertindak dapat disiapkan. Kajian membuat pelan ini berjalan selama 14 bulan dengan biaya sebanyak \$1.81 juta yang disumbangkan oleh kerajaan pusat. Ia bertujuan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang perlu diberi keutamaan atau perhatian khusus bagi tujuan pembangunan. Dengan pelan ini ia akan merubah sama sekali seluruh struktur ekonomi Johor untuk jangka masa 20 tahun.

Sesuai dengan matlamat pembangunan negara, Johor juga sedang menuju ke arah menjadi sebuah negeri industri

sepenuhnya pada tahun 2005. Sejak empat tahun lalu kita berjaya menarik lebih \$11 billion pelaburan. Usaha menarik pelabur asing terus ditingkatkan dan pelabur-pelabur tempatan juga digalakkan untuk bersaing. Ini adalah sebuah dekad yang kompetatif dan memerlukan komitmen yang menyeluruh. Kerajaan akan memastikan matlamat dasar pembangunan nasional bagi melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perusahaan Bumiputera (MPPB) tercapai. Kerajaan bercadang untuk mewujudkan konsortium bumiputera supaya usahawan bumiputera dapat menyertai projek besar kerajaan yang menelan belanja ratusan juta ringgit. Agensi-agensi kerajaan yang menyertai bidang industri akan diminta untuk menilai semula keberkesanan program masing-masing agar sesuai dengan aliran ekonomi semasa, terutama perbadanan kemajuan ekonomi Islam negeri Johor diharap akan lebih aktif dan agresif menyertai bidang pelaburan.

Walaupun saya berpuashati dengan pencapaian Perbadanan Kemajuan Ekonomi Johor, tetapi masih banyak yang perlu dilakukan. Sehingga akhir Disember 1991, PKENJ mencatat untung \$167.43 juta (kenaikan 8.11 peratus daripada tahun sebelumnya). Seperti biasa, PKENJ buat kali ketiga menyumbangkan 10 peratus daripada keuntungannya kepada kerajaan negeri, yang mana tahun ini sebanyak \$6.65 juta.

PKENJ merupakan agensi terpenting di peringkat negeri Johor bagi menentukan pencapaian sepenuhnya

matlamat dasar perindustrian negeri. Tanggungjawab ini telah dilaksanakan oleh perbadanan melalui program pembangunan kawasan perindustrian di seluruh negeri di samping usaha-usaha penggalakan dan promosi yang agresif.

Sehingga akhir Mac 1991, sebanyak 1,660 permohonan mendirikan kilang diterima. Daripada jumlah tersebut 1,149 diluluskan dan 545 permohonan dibatalkan atau menarik diri. Bagi tempoh Januari hingga Mac 1992 pula 25 permohonan diterima. Manakala 1,158.24 hektar kawasan industri sudah dijual oleh PKENJ. Sementara itu beberapa kawasan perindustrian lagi akan dimajukan seperti di Tebrau II (Fasa 2), Mersing, Kluang II, Ulu Tiram, Pekan Nenas, Tangkak serta beberapa kawasan perindustrian lain yang melibatkan pembukaan 3,691.50 hektar kawasan perindustrian. Kawasan perindustrian yang akan dibina ini menempatkan industri jenis ringan atau sederhana.

## **MEWUJUDKAN MASYARAKAT USAHAWAN BUMIPUTERA**

PKENJ turut berperanan ke arah melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui program pendidikan keusahawanan yang

dikendalikan oleh Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ). Sebagaimana kita sedia maklum, dasar ekonomi baru (DEB) yang tamat tempoh pada 1990 masih belum cukup memuaskan. Peratusan individu bumiputera yang memiliki kekayaan negara masih terlalu kecil iaitu 7% berbanding dengan bukan bumiputera sebanyak 44%. Untuk mencapai peratusan yang tinggi maka usaha daripada kerajaan dan agensi-agensi kerajaan perlu diambil untuk membentuk ciri-ciri dan budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Melayu. Kita percaya ini boleh dilakukan mulai daripada peringkat sekolah lagi supaya apabila dewasa mereka akan terus melibatkan diri dalam bidang perniagaan dengan berbekalkan ilmu pengetahuan serta pengalaman yang cukup dalam di bidang tersebut.

Menyedari hakikat itu, maka IPPJ mengambil langkah menubuhkan kelab tunas bistari dengan mengadakan model syarikat di sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri Johor. Di peringkat permulaan tiga sekolah telah dipilih iaitu Sekolah Menengah (P) Sultan Ibrahim, Sek. Men. Pasir Gudang dan Sek. Men. Gelang Patah. Sehingga akhir 1992 dicadangkan sebanyak 10 sekolah di setiap daerah. Sejak konsep tunas dimulakan pada April lalu, sebanyak 11 syarikat telah ditubuhkan di tiga sekolah yang memulakan *pilot project* berkenaan. Mereka diberi kursus mengenai selok-belok perniagaan terutama di bidang pengurusan di samping mengadakan ceramah-ceramah yang dapat membangkitkan semangat keusahawanan.

Untuk mereka yang sudah menjadi usahawan, PKENJ menubuhkan bistari (Kelab Bisnes dan Industri Johor). Kelab ini bukan saja menyatukan usahawan bumiputera di Johor, tetapi juga menjadi pusat sumber maklumat yang dapat membantu memperkembangkan perniagaan masing-masing. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan seramai mungkin usahawan bumiputera terutama golongan muda untuk bergiat dibidang korporat.

Kerajaan juga memberikan perhatian khusus kepada peniaga-peniaga kecil terutama di kawasan bandar. Oleh kerana pada masa ini kedudukan peniaga-peniaga kecil agak berselerak maka suatu penempatan khas akan diadakan. Dibawah program reformasi penjaja dan peniaga kecil Melayu maka suatu penyusunan semula akan dibuat supaya keadaan mereka lebih mantap dan terjamin. Mereka akan diletakkan pada satu tempat yang strategik, yang menjadi pusat kunjungan orang ramai.

Saudara-saudara. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dasar penswastaan yang kerajaan galakkan telah menunjukkan kejayaan yang sangat memberangsangkan. Oleh itu kerajaan negeri akan menjadikan program penswastaan sebagai "sumber baru" bagi mendapatkan hasil. Untuk itu kerajaan akan menubuhkan badan pelaburan yang dinamakan perbadanan Permodalan Johor Berhad (PJB), yang menyerupai seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB). Satu undang-undang baru untuk menubuhkan

perbadanan ini sedang dirangka. Perbadanan ini akan mula beroperasi pada awal tahun depan dan berfungsi untuk mengurus harta kerajaan melalui penswastaan. Segala harta yang diperolehi melalui penswastaan sama ada berbentuk harta benda seperti tanah, rumah, bangunan atau saham dan ekuiti akan dipegang oleh perbadanan. Di samping itu perbadanan juga akan mempunyai kuasa penuh sebagai rakan kongsi dalam pengurusan penswastaan. Kalau selama ini ada usahawan yang mengeluh kerana lewat untuk melaksanakan projek-projek yang diswastakan, maka dengan adanya perbadanan baru ini segala kelewatan akan di atasi. Perbadanan ini mempunyai kuasa otonomi dan boleh membuat keputusan dengan cepat tanpa terikat dengan banyak peraturan. Kita percaya program penswastaan ini dapat mewujudkan kerjasama erat antara kerajaan dan swasta. Kita sedar pihak swasta memainkan peranan penting bagi memusatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Kerajaan merasakan swasta adalah rakan kongsi dalam banyak kegiatan ekonomi. Mereka perlu digerakkan secara aktif. Oleh itu, sebuah majlis perdagangan Johor yang dianggotai oleh pegawai tertinggi kerajaan dan tokoh korporat akan ditubuhkan menjelang akhir tahun ini untuk menyelaraskan pelbagai perkara yang membabitkan perkembangan sektor perdagangan dan perusahaan di Johor. Dengan adanya majlis ini ia akan memberi lebih ruang antara kerajaan dan swasta berbincang untuk

mempercepatkan lagi proses pembangunan negeri. Perlu ditegaskan di sini bahawa segala program penswastaan, adalah dijadikan syarat supaya usahawan Melayu Johor diberikan keutamaan dan setiap cadangan daripada mana-mana pihak untuk menjalankan projek penswastaan mesti mempunyai rakan kongsi yang terdiri daripada usahawan Melayu. Kerajaan tidak akan berkompromi dengan syarat ini.

## **LUAR BANDAR DIBERI KEUTAMAAN**

Walaupun matlamat kita mahu menjadikan Johor sebagai negeri industri, namun perhatian terhadap pembangunan luar bandar tetap diberi keutamaan. Di bawah program pengembangan Jabatan Pertanian negeri beberapa projek dirancang untuk meningkatkan pendapatan petani-petani di luar bandar. Salah satu projek yang akan dilaksanakan ialah projek "petani penyayang" yang berasaskan kepada konsep 'jika anda ada tanah dan wang, kami ada waktu.' Projek ini terbuka kepada semua rakyat tidak kira yang miskin atau yang berada.

Petani-petani juga digalakkan menanam sayur-sayuran dan buah-buahan secara komersil bagi tujuan eksport dan kegunaan dalam negeri. Sistem pertanian terus dipertingkatkan mengikut teknologi moden supaya kita dapat mengeluarkan jumlah hasil pengeluaran yang besar.

perbadan  
mula J. Perlu  
untor  
staan,

sejak kempen 5-- \$2,534,707.00 sudah diagih-agihkan melalui program ini. Jika program ini dapat dieksplotasi dengan baik sudah pasti hasrat kita untuk mewujudkan masyarakat komersil dan industri bumiputera (MAKIB) akan tercapai. Bagi mengelakkan supaya setiap kampung tidak mengeluarkan hasil yang serupa, kerajaan akan melaksanakan konsep 'satu mukim satu keluaran'. Dengan cara ini kita bukan sahaja dapat mengeluarkan hasil industri kampung secara teratur dan tidak bersaing, mutu pengeluaran juga dapat dijamin.

Industri luar bandar mempunyai masa depan yang cerah pada peringkat pertumbuhan ekonomi masa kini. Kerajaan negeri telah memilih strategi yang sederhana yang mana kadar pertumbuhan ekonomi dijangka berkembang pada purata 7% setahun bagi tempoh 15 tahun dari 1990 hingga 2005. Pada tahun 2005 KDNK Johor dijangka bertambah empat kali ganda daripada KDNK 1985. Matlamat ini akan dicapai dengan menggalakkan pertumbuhan industri di kawasan koridor

perindustrian. Banyak aktiviti hiliran terbuka luas kepada perusahaan luar bandar. Kita mahu masyarakat luar bandar digembeleng tenaga mempunyai motivasi yang tinggi dan wawasan yang jauh ke hadapan.

Saudara-saudara. Kemiskinan adalah penyakit sosial yang sangat hina di sisi Islam. Lihatlah saudara-saudara Islam kita di Somalia. Berjuta nyawa terkorban diserang kebuluran akibat kemiskinan. Ini sewajarnya menginsafkan kita untuk memerangi kemiskinan. Selagi wujud kemiskinan di negara ini, maka selama itu juga kerajaan tidak akan berhenti berusaha membasminya. Kemiskinan umumnya terdapat di luar bandar. Kerajaan berusaha memperbaiki taraf hidup mereka dengan mengadakan program meningkatkan pendapatan terutama di segi jangka panjang dan program bersifat kebajikan. Tahun ini \$8.8 juta disediakan bagi membantu golongan miskin.

Untuk pengetahuan saudara-saudara, kadar pendapatan keluarga miskin mengikut takrif kerajaan negeri ialah mereka yang berpendapatan kurang daripada \$350 sebulan. Kerajaan telah mengkaji semula kedudukan golongan miskin pada 1989 dan mengenalpasti sejumlah rakyat miskin mempunyai pendapatan kurang daripada \$175.00 sebulan. Kumpulan ini dinamakan golongan termiskin. Sehingga 31 Disember 1991 jumlah daftar asas golongan ini di Johor ialah lebih kurang 5,186 orang. Tahun ini di bawah program pembangunan rakyat termiskin (PPRT) IADP Johor Barat, peruntukan \$240,000

diluluskan untuk membantu petani termiskin menjalankan pelbagai projek kecil berdasarkan pertanian. Pemilihan peserta sudah dibuat, dan kini dalam peringkat bekalan "input" kepada yang dipilih. Antara projek yang dijalankan untuk mereka ialah ternak ikan dalam sangkar, ternak biri-biri, tanaman sayuran, projek lebah madu, buah-buahan dan industri desa dengan membabitkan 86 peserta.

## **MEMPERSIAPKAN DIRI MENGHADAPI INFLASI**

Saudara-saudara. Dalam keadaan ekonomi yang sukar diramalkan pada beberapa tahun akan datang, lebih-lebih lagi apabila meneliti senario ekonomi dan politik antarabangsa terutama dengan insiden-insiden yang terjadi di negara maju, sedikit sebanyak bahangnya akan meninggalkan kesan ke atas kita. Maka wajar bagi kita bersedia daripada sekarang. Sediakan payung sebelum hujan. Kita harus belajar daripada kemelesetan ekonomi dan inflasi yang buruk pada tahun 1985 - 1987. Inflasi adalah masalah nasional yang memerlukan tanggungjawab rakyat di seluruh negara mengatasinya. Mereka bukan sahaja dinasihatkan agar tidak boros atau berbelanja pada perkara yang tidak perlu, tetapi mereka sendiri mesti berjimat cermat serta mempunyai kesedaran untuk menabung atau melabur.

Kita tidak boleh mengelak daripada kos sara hidup

yang kian meningkat akibat daripada kepesatan pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu kerajaan negeri menggariskan beberapa langkah untuk mengurangkan kadar kenaikan kos hidup yang tinggi, terutama di Johor Bahru. Antara usaha yang kerajaan lakukan ialah: meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Pada 1991 pengeluaran hasil pertanian adalah \$1.75 juta dan dijangka meningkat \$23.5 juta pada 1993. Manakala pasar tani di bandar-bandar akan ditambah dan diadakan dengan lebih kerap. Kepada syarikat-syarikat kerjasama dan persatuan pengguna diharapkan dapat membuka kedai-kedai runcit. Kerajaan negeri memperuntukkan \$100,000.00 kepada persatuan pengguna Johor Bahru bagi melaksanakan kedai pengguna di Balai Raya Gertak Merah. Diharapkan dengan adanya kedai pengguna itu dalam jangka masa 6 bulan, barang-barang yang dijual akan menjadi sebagai "Bench Mark" kepada kedai-kedai lain di Johor Bahru. Kerajaan juga telah menubuhkan majlis hal-ehwal pengguna negeri untuk mendidik pengguna memahami hak-hak mereka, terutama dalam menghadapi inflasi. Disamping itu sebuah kompleks bebas cukai akan dibina di Johor Bahru sebagai langkah untuk mengimbangi harga runcit barang di pasaran. Dalam pada itu atas desakan kerajaan negeri maka kerajaan persekutuan telah meminda kanun tanah negara bagi menghadkan orang-orang asing memiliki tanah, rumah ataupun bangunan kedai bagi mengatasikan kenaikan harga. Pemaju-pemaju diminta membina rumah-rumah

yang sudah diluluskan dengan segera agar tidak menangguk keuntungan yang melampaui batas. Pemaju swasta diminta membina rumah yang sesuai dengan kemampuan rakyat. Kerajaan juga menggalakkan industri pengeluaran bahan-bahan binaan dan menambah pengeluaran mereka untuk membantu mengurangkan kos pembinaan.

Kerajaan sedar masalah tempat kediaman atau perumahan untuk rakyat memerlukan penyelesaian yang khusus dan tersendiri. Lebih-lebih lagi untuk golongan berpendapatan rendah. Bagi tempoh rancangan Malaysia Kelima dan rancangan Malaysia Keenam sebanyak 4,071 unit rumah kos rendah dibina. Untuk mengatasi masalah sumber kewangan yang terhad, rumah-rumah awam kos rendah ini dijual terus kepada pembeli-pembeli. Kerajaan akan cuba mencarikan 'end-financing' untuk mereka. Dengan demikian, kerajaan negeri dapat membayar balik pinjaman kerajaan persekutuan di samping mendapat pinjaman seterusnya bagi membina lebih banyak rumah kos rendah. Bagaimanapun untuk mengatasi bebanan kos yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan, maka projek-projek perumahan ini diswastakan.

Seperkarayang sering timbul dalam projek perumahan ini ialah pemasaran lot-lot bumiputera. Bagi mengatasi kesukaran ini kerajaan melalui tabung perumahan bumiputera akan membeli lot-lot bumiputera yang sukar dijual. Dalam pada itu kerajaan negeri sedang mengkaji

kemungkinan menubuhkan satu kumpulan wang di mana bakal pembeli dapat meminjam bagi membayar wang pendahuluan 10% yang diperlukan sebelum membeli rumah sementara menunggu pengeluaran KWSP atau pinjaman perumahan. Bagaimanapun kajian ini perlu mengambil kira beberapa faktor lain yang berkaitan dengannya. Kita memang sedar masalah utama untuk membeli rumah ialah untuk mendapatkan wang pendahuluan (down payment).

Kepesatan pertumbuhan sekarang telah menyebabkan permintaan bekalan air turut bertambah dengan berlipat kali ganda. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan kemudahan asas bekalan air ini sentiasa mencukupi. Kini terdapat 44 loji pembersihan air yang dikendalikan oleh JBA Johor dengan jumlah kapasiti pengeluaran 194 juta gelen sehari. Mengikut kajian JBA, permintaan bekalan air daripada 150 juta gelen sehari sekarang akan bertambah kepada 257 juta gelen sehari pada 1995, 314 juta gelen sehari pada tahun 2000 dan 385 juta gelen sehari pada tahun 2005. Bagi memastikan bekalan air lebih bermutu dan diurus dengan baik, projek bekalan air ini akan diswastakan. Pada peringkat permulaan kerajaan menswastakan projek bekalan air bagi daerah Johor Bahru yang dibuat secara berperingkat-peringkat. Air memberikan hasil yang cukup besar kepada negeri Johor. Ini dapat dilihat dengan jelas bagaimana pada 1985 penghasilan air berjumlah \$39,053,000 dan

diramalkan bertambah \$138,000,000 pada 1992. Memandangkan keperluan air begitu besar dan memberikan penghasilan yang cukup lumayan, maka sudah semestinya pengurusannya perlu dibuat secara profesional. Untuk itu kerajaan negeri sedang mengkaji untuk menubuhkan syarikat bekalan air Johor. Ini bermakna JBA akan bertukar taraf menjadi sebuah badan korporat. Syarikat ini akan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan negeri. Kita percaya seluruh penduduk Johor akan dapat menikmati bekalan air sepenuhnya pada tahun depan.

## **MEMBINA MASYARAKT YANG BERBUDAYA**

Sungguhpun kerajaan begitu ghairah membangunkan sektor ekonomi, tetapi kerajaan tidak pula melupakan tanggungjawab moral, tanggungjawab sosial dan tanggungjawab budaya dalam usaha membina sebuah masyarakat yang aktif, sihat dan berbudaya. Penekanan diberikan kepada usaha untuk memajukan golongan belia melalui kegiatan ekonomi, seperti belia niaga dan tani. Dalam tempoh 3 tahun ini lebih \$1.4 juta sudah dibelanjakan bagi menjayakan projek perniagaan dan pertanian belia. Golongan belia ini juga diberikan kursus-kursus kemahiran yang sesuai dengan keperluan semasa

seperti latihan pertukangan, kraf tangan, mekanikal dan ternakan. Program belia mahir dijalankan melalui bengkel teknologi desa. Kebelakangan ini kekurangan pekerja begitu dirasakan terutama di sektor industri berasaskan elektronik, pembuatan dan tekstil, terutama kilang-kilang di Johor Bahru. Sehubungan itu kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran para pekerja supaya dapat meningkatkan produktiviti bagi menampung keperluan industri berteknologi tinggi. Kita harap pihak swasta dapat menggunakan kemudahan-kemudahan di pusat-pusat latihan seperti sekolah-sekolah vokasional bagi melatih pekerja-pekerja mereka (On The Job Training). Di bawah RM6, Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang diberi peruntukan \$18.8 juta oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mewujudkan kursus-kursus baru dan meningkatkan kapasiti kursus-kursus yang sedia ada. Manakala pusat daya produktivi negara wilayah selatan pula memperuntukkan \$6.24 juta bagi membina pusat latihan di Larkin yang dijangka siap pada April 1994.

Di bidang sukan kita mahu golongan belia bergiat secara aktif melalui pelbagai kemudahan yang sudah kerajaan sediakan. Lebih \$100 juta peruntukan kerajaan negeri dan pusat dibelanjakan bagi membina stadium hoki, stadium tertutup, kolam renang, membaik-pulih Stadium Tan Sri Dato' Hj. Hassan Yunos, gelanggang bola keranjang dan stadium tertutup PKENJ di Pasir Gudang. Kemudahan sukan di daerah-daerah juga akan

dipertingkatkan. Setiap daerah menerima \$15,000 bagi melengkapkan kemudahan sukan masing-masing. Kita telah mencapai kejayaan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) yang lalu. Melalui SUKMA kita dapat melihat sendiri bagaimana komitmen masyarakat terhadap sukan. Oleh itu, kejayaan yang dicapai ini perlu terus ditingkatkan dengan menggalakkan secara aktif penyertaan rakyat khususnya golongan belia membabitkan diri dalam apa juga kegiatan sukan.

Pembangunan fizikal dan material tidak memberi apa-apa erti jika tidak diisi dengan keperluan rohaniah. Di samping program keagamaan, kita tidak boleh mengetepikan begitu saja kepentingan kebudayaan yang dapat membantu membentuk keperibadian bangsa kita sebagai bangsa yang berbudaya tinggi dan mulia. Selain menggiatkan aktiviti kebudayaan, kerajaan berusaha menyemai minat budaya dan menanam kesedaran sejarah dengan mewujudkan balai seni rupa di bangunan lama kerajaan di Jalan Petri Johor Bahru, menubuhkan pusat sejarah dan kebudayaan di Kota Tinggi dengan kos \$3 juta, dan bangunan Dato' Jaafar di Jalan Yahya Al-Datar dijadikan pusat pentadbiran yayasan warisan bagi mengumpulkan bahan-bahan sejarah. Kerajaan juga akan mendirikan memorial Dato' Onn sebagai penghormatan kepada tokoh yang banyak berjasa kepada bangsa, agama dan negara. Kita yakin jika semua program kebudayaan ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan rapi, negeri

Johor tidak hanya dikenal sebagai pusat pertumbuhan ekonomi tetapi menjadi pusat pembinaan budaya yang unggul di rantau sebelah sini. Kerana itulah kita merangka rangkaian hubungan budaya Wilayah Selatan ini bukan sahaja dengan Singapura tetapi juga Riau.

Menyentuh mengenai hubungan dengan negara-negara jiran, khususnya dengan Singapura, kerajaan negeri tidak memandang ringan persoalan ini. Hubungan kerjasama terus ditingkatkan agar limpahan ekonomi di negara berkenaan dapat kita nikmati. Setakat ini kerajaan negeri berpuashati dengan hubungan dua hal yang sudah terjalin ini walaupun kadangkala wujud isu-isu yang sedikit sebanyak menimbulkan kesulitan dalam perhubungan antaranegara. Di samping itu, usaha-usaha melaksanakan program nusa tiga turut diberi keutamaan. Kita meminta dapat kiranya kerajaan pusat memberikan sedikit kelonggaran kepada kita bagi merancang sendiri program-program yang dapat dimanfaatkan melalui kerjasama di nusa tiga ini.

Pelancongan telah dikenalpasti sebagai sektor penting dalam perkembangan ekonomi kini. Ia berupaya mewujudkan pendapatan tidak ketara dalam penukaran wang asing serta pengwujudan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Sebagai pintu masuk dari selatan Semenanjung, jumlah pelawat melalui Tambak Johor dari Singapura berjumlah 3 juta setahun. Johor mempunyai banyak sumber pelancongan berpotensi untuk dimajukan.

Di bawah RM6, sektor pelancongan Johor dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kawasan Desaru sebagai "Core Area" dan kawasan di luar Desaru sebagai "Sub-Core Area". Menjelang tahun melawat Malaysia pada 1994, Kita hendaklah bersedia daripada sekarang bagi memastikan Johor menjadi destinasi utama kepada pelancong dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti bilik hotel yang mencukupi dan kawasan peranginan yang baik. Di Johor Bahru, lapan hotel yang menyediakan 2441 bilik sedang dalam pembinaan. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pula memperuntukkan \$10 juta bagi pembinaan tempat penginapan bertaraf sederhana di seluruh negeri. Kita harap masyarakat tempatan akan mengambil kesempatan dan merebut segala peluang daripada perkembangan sektor pelancongan ini dengan membabitkan diri di bidang perniagaan seperti barang kraf dan industri kampung serta mendirikan pusat-pusat peranginan kos sederhana. Pelancongan adalah sumber baru pelaburan yang amat menarik sekarang dan menjadi salah satu sumber pendapatan negara yang terpenting.

## **MEMELIHARA ALAM SEKITAR**

Dalam usaha kita memusatkan bidang industri dan menuju ke arah kehidupan berkualiti menjelang tahun

2020, aspek alam sekitar tidak diabaikan. Komitmen kerajaan terhadap isu-isu alam sekitar boleh dilihat daripada program pembangunan seperti yang digariskan dalam rancangan Malaysia keenam. Kerajaan memberi tumpuan kepada pemeliharaan keseimbangan alam sekitar dan ekologi dalam konteks pembangunan yang berkekalan. Penekanan yang lebih akan diberi kepada pengurusan sumber-sumber semulajadi dan perlindungan alam sekitar demi kesejahteraan generasi kini dan masa depan. Bagi menjamin kualiti alam sekitar yang baik serta pembangunan yang berterusan kerajaan negeri akan terus mengambil kira unsur-unsur alam sekitar dalam membangunkan negeri ini. Buat masa ini keadaan pencemaran di Johor masih terkawal dengan adanya kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. Ini bermakna pembangunan perindustrian pada lima tahun yang lepas belum menampakkan kesan yang jelas ke atas kualiti alam sekitar. Kerajaan akan memastikan keadaan ini bertambah baik di tahun-tahun akan datang dalam tempoh yang sama kerja-kerja pengawasan alam sekitar dipertingkatkan lagi.

Nampaknya kesedaran dan kefahaman orang ramai terhadap alam sekitar dan hak mereka terhadap kualiti kehidupan yang saksama semakin meningkat. Ini dapat dilihat daripada aduan-aduan mengenai pencemaran yang dikemukakan kepada agensi-agensi yang terlibat. Setiap aduan yang diterima akan disiasat dan dikaji dengan

teliti oleh pihak kerajaan.

Bagi membolehkan sesuatu isu alam sekitar diberi perhatian yang wajar lebih-lebih lagi untuk mengelakkan kesan-kesan alam sekitar yang tidak diingini, kerajaan negeri mengarahkan supaya jawatankuasa alam sekitar dan pelancongan ditubuhkan disetiap penguasa tempatan. Tanggungjawab menjaga dan memelihara alam sekitar harus dipikul bersama. Semua pihak mesti memainkan peranan untuk menjaga alam sekitar dan sumber-sumber asli kita agar tidak tercemar atau pupus sama sekali.

## **MEMPERKUKUH KEDUDUKAN UMAT ISLAM**

Saudara-Saudara. Usaha meninggikan syiar Islam yang menjadi asas utama kepada perjuangan UMNO akan digiatkan dari semasa ke semasa. Kita bukan sahaja mahu kedudukan Islam sebagai agama rasmi terus terjamin, tetapi ketinggian syiar Islam akan dipertahankan dengan memastikan kedudukan masyarakat Islam tidak dipandang rendah. Masyarakat Islam perlu kukuh kedudukan ekonomi dan sosialnya. Dalam hal ini Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) akan disusun semula dan dikemaskinikan sistem pentadbirannya. Di bawah rancangan Malaysia keenam, kerajaan memperuntukkan \$60.48 juta bagi program keagamaan.

Umat Islam terus digalakkan beramal jariah dan

membuat kebajikan sesuai dengan tuntutan Islam. Kerajaan negeri memperkenalkan skim saham wakaf. Ini memberi peluang orang ramai mewakafkan harta melalui pembelian saham sebanyak \$10 seunit. Sijil saham ini kemudiannya diwakafkan. Manakala pembeli saham hanya memegang borang akuannya (SEGHAH). Objektif utama skim ini sebagaimelaksanakan tuntutan Islam untuk beramal jariah (melalui wakaf) secara berkelompok, membangunkan institusi wakaf lebih produktif serta melaksanakan pembangunan ekonomi umat Islam secara bersepadu. Ia menjadi lambang kerjasama umat Islam berteraskan ukhwah Islamiah dan memperluaskan saluran-saluran kebajikan secara sistematik. Hasil daripada pembelian saham itu akan digunakan untuk membiayai pelbagai kegiatan sosio-ekonomi umat Islam yang dirancangkan oleh JAIJ. Selain daripada itu, tanah-tanah wakaf yang terdapat di seluruh negeri, terutama di kawasan-kawasan bandar boleh dimajukan dan ditukar ganti secara "istibdal" mengikut enakmen pentadbiran Agama Islam 1978, kaedah-kaedah wakaf 1983. Dengan cara ini kita dapat mempertingkatkan pemilikan harta bumiputera, khususnya masyarakat Islam yang memperseimbangkan antara kepentingan ummah secara kolektif tanpa menjaskan kepentingan dunia dan akhirat.

## **UMNO TERAS PEMBINAAN BANGSA**

Saudara-saudara. UMNO adalah parti politik. Tetapi, wujudnya UMNO bukanlah untuk tujuan politik semata-mata. UMNO ditubuhkan kerana kita sedar, dengan kuasa politik kita dapat memelihara dan mempertahankan hak serta nasib orang-orang Melayu. UMNO dan perjuangan politiknya adalah sebagai instrumen dan jentera untuk mencapai matlamat yang kita rancangkan. Sebagai parti politik yang bertanggungjawab, UMNO mesti memimpin rakyat untuk kebahagiaan. UMNO mesti kekal sebagai teras kepada Barisan Nasional. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyedarkan rakyat terutama di luar bandar agar faham dan insaf dengan kehendak dan keperluan semasa khususnya di segi pembangunan ekonomi. Rakyat tidak harus dibiarkan dengan percaturan politik yang boleh merugikan masa depan mereka. Saya menyebutkan ini kerana pada waktu-waktu terakhir ini ada tindakan-tindakan kurang wajar, terutama pihak parti pembangkang yang memperalatku penduduk di luar bandar untuk kepentingan politik mereka. Masa banyak terbuang hanya untuk tujuan berpolitik. Saya sangat bimbang, dalam dekad yang sangat mencabar ini kita tidak mempunyai banyak waktu dengan hal-hal yang tidak berfaedah. Sebab itu saya selalu menyarankan agar UMNO di peringkat bahagian dan

cawangan perlu menjadi penggerak utama kepada pembangunan ekonomi. Dasar ekonomi baru yang berakhir pada 1990 masih menunjukkan kita berada jauh di belakang. Selama 19 tahun DEB dilaksanakan, kita dapat mengenal pasti beberapa kelemahan yang menyebabkan orang Melayu dan bumiputera yang lain tidak mencapai kejayaan yang diharapkan. Kita mungkin menyalahkan orang lain dengan kegagalan ini. Tetapi apakah kita tidak bersalah? Adalah lebih baik kita menyalahkan diri sendiri daripada menuing jari kepada pihak lain. Sekurang-kurangnya kita sedar dan insaf. Orang Melayu memang tidak suka kelemahan mereka didedahkan, tetapi hakikatnya kita menjadi malu apabila orang menyindir kelemahan kita. Oleh itu, ada baiknya kita mengenal pasti sendiri kelemahan-kelemahan itu dan berusaha mengatasinya dengan tindakan-tindakan yang positif. Sikap dan nilai-nilai yang kita pegang dalam pengurusan ekonomi perlu sesuai dengan pengurusan semasa. Kita mesti bekerja lebih kuat. Memang tidak mungkin kita dapat bersaing dengan industri-industri besar yang tumbuh pesat sekarang. Namun begitu, setidak-tidaknya kita mampu untuk berada pada garis tahap kepesatan itu.

Perpaduan nampaknya masih menjadi agenda yang belum selesai bagi UMNO Johor. Kita berbangga kerana Johor menjadi kubu kuat UMNO. Kita mempunyai keahlian UMNO yang terbesar. Tetapi semua ini tidak

menjamin keutuhan, kemantapan dan kekuatan perpaduan dalam parti. Seperti sebuah lautan yang kelihatan tenang di permukaan, tetapi ombak dan badai bergelora di bawahnya. Sikap berpuak-puak dan kecenderungan mengumpulkan individu-individu dalam satu kelompok tidak seharusnya menjadi trend UMNO Johor.

Saya rasa sudah sampai masanya kita bersikap terbuka, jujur dan ikhlas dalam perjuangan berparti. Saya sedar bahawa saya tidak mendapat sokongan penuh 100 peratus daripada ahli-ahli UMNO. Bagaimanapun saya sentiasa mengikuti dengan penuh teliti apa yang berlaku dan dilakukan oleh ahli-ahli UMNO Johor. Saya tidak berhasrat untuk memohon simpati dari saudara-saudara mestiterima bahawa saya diberikan amanah dan tanggungjawab oleh pucuk pimpinan parti bagi mentadbir negeri dan mengepalai parti. Hari ini saya mengambil kesempatan untuk berterus-terang kerana bagi saya sokongan padu terhadap kepemimpinan negeri amat penting. UMNO Johor mempunyai rekod cemerlang sejak zaman Allahyarham Datuk Onn sehingga ke kepada kepemimpinan UMNO selepas merdeka seperti di waktu Tan Sri Othman Saat, Datuk Musa Hitam dan Datuk Ajib Ahmad. Perpaduan UMNO ketika itu begitu kukuh. Dan sekarang adalah giliran saya memimpin. Apakah kesinambungan kecemerlangan itu tidak dapat diteruskan? Memang benar, tidak ada zaman yang sempurna seperti yang kita mahu. Tetapi apabila kerana itu kita boleh

memaafkan sesuatu keadaan, kita juga harus boleh memperoleh alternatif lain di samping cara yang sudah ada. Yang penting bukan saya, tetapi parti. Adalah tidak mungkin saya akan memimpin UMNO Johor selama-lamanya. Pemimpinan akan datang bersilih ganti selepas ini. Saya yakin jika perpaduan dapat diwujudkan dalam erti kata tidak ada sikap berpura-pura, ikhlas dan jujur, di samping menyokong kepemimpinan dengan sepenuhnya, UMNO Johor akan lebih disegani, dihormati dan diteladani.

Di sini saya juga ingin membuat teguran ikhlas agar struktur dan organisasi parti di peringkat cawangan serta bahagian hendaklah dikemaskini serta diperbaiki mengikut perkembangan semasa. Pergerakan Wanita nampaknya lebih aktif daripada Pergerakan Pemuda yang sepatutnya menjadi benteng dan tulang belakang kepada parti. Saya harap Pemuda UMNO kini tidak diserang "Sindrom Bisu" seperti yang pernah Datuk Musa suarakan suatu ketika dulu. Kepemimpinan Pemuda UMNO Negeri hendaklah melihat persoalan ini dengan serius. Sebagai pemimpin pelapis yang bakal menerajui kepemimpinan parti, mereka hendaklah bersedia daripada sekarang untuk mempersiapkan diri sebagai pemimpin yang berkualiti.

Kini kita berbangga kerana UMNO bukan sahaja sudah pulih tetapi kembali berada pada kedudukan yang mantap. Bagi kita di Johor, kemantapan ini diperkuatkan lagi dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Ini adalah berkat daripada kepemimpinan UMNO yang menerajui

kerajaan serta sokongan padu seluruh rakyat yang cintakan keamanan, keharmonian dan kebahagiaan. Kehidupan masyarakat industri dalam zaman Malaysia menuju Wawasan 2020 perlu membina dan mempertahankan nilai-nilai tradisi unggul, murni dan positif agar terus membudaya dalam hidup kita demi mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang. Untuk merealisasikan Wawasan 2020, kita perlu mewujudkan suatu struktur politik dan struktur pengurusan dan pentadbiran kerajaan yang dapat memainkan peranan secara aktif. Kita mempunyai nilai-nilai tradisi unggul seperti pemuaafakatan, kesatuan dan toleransi yang perlu dipertahankan dalam memelihara keunggulan bangsa dan dapat pula menangani sebarang perubahan dan pembangunan negara. Insyaallah, berkat kesungguhan, keikhlasan dan kejujuran, kita akan mencapai lebih banyak kejayaan selepas ini.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bersidang kepada semua perwakilan dalam konvensyen UMNO Johor ini. Semoga usaha kita akan diberkati dan dirahmati Allah.

Sekian sahaja ucapan saya dan disudahi dengan Wabillaahi Taufik Walhidaayah Wassalaamualaikum Warrahmatullaahi Wabarakaatuh.

Terima kasih.

## **SUDAHKAH ANDA MEMBACA BUKU-BUKU INI?**

Jika belum pesan terus dengan menghantar P.O./M.O. atau cek atas nama:

**WAJAH KOTA (M) SDN. BHD.**  
5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman Satu,  
50300 KUALA LUMPUR  
Tel: 03-2929242

|    |  |         |               |
|----|--|---------|---------------|
| 1. | Arkitek Bangsa                                       | RM17.90 | (Kulit Nipis) |
|    |  | RM21.90 | (Kulit Nipis) |
| 2. | UMNO - PAS<br>Mimpi & Realiti<br>Wartawan Politik    | RM5.00  | (Kulit Nipis) |
| 3. | Apa Strategi Musa Hitam                              | RM5.00  | (Kulit Nipis) |
| 4. | Sempatkah Ghafar Jadi PM?                            | RM5.00  | (Kulit Nipis) |
| 5. | Consociational Politics:<br>The Malaysian Experience | RM15.00 | (Kulit Nipis) |
| 6. | Politik Akomodasi<br>Di Sabah                        | RM15.00 | (Kulit Nipis) |
| 7. | Sanusia Junid Pencetus<br>Idea Pemikir Bangsa        | RM12.00 | (Kulit Nipis) |

**Pos percuma. Sila hantar lebih seringgit (RM1.00) untuk pos berdaftar.**

# **SUDAHKAH**

anda membaca buku ini?

Jika belum pesan terus dengan menghantar  
P.O./M.O. atau Cek atas nama:

WAJAH KOTA (M) SDN. BHD.  
5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman Satu,  
50300 KUALA LUMPUR.

Tajuk: Apa Strategi Musa Hitam?

Harga: RM5.00

Pos percuma. Sila hantar lebih RM1 (Seringgit)  
untuk pos  
berdaftar.

## **APA STRATEGI MUSA HITAM ?**



Daud Ibrahim

Tebal:  
116 muka  
surat

SANUSI JUNID terkenal kerana ideanya yang luar biasa. Mengapa anda tidak mahu berkongsi dengannya cara-cara beliau mencetuskan pemikiran yang menggegarkan negara.

Tebal: 267 muka surat

Miliki buku SANUSI JUNID Pencetus Idea Pemikir Bangsa ini dengan memesan terus dari WAJAH KOTA (M) SDN. BHD. dengan cek/M.O./P.O./Bank Draf berpalang bernilai \$12.00 (pos percuma) kepada:-

Wajah Kota (M) Sdn. Bhd.,  
5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1,  
50300 KUALA LUMPUR.



## **UMNO PAS Realiti & Maruah Wartawan Politik**

Sudahkah anda memiliki buku ini:  
Dapatkan segera daripada

**IQ Communication**  
P.O. Box 10653,  
50720 KUALA LUMPUR.

Tebal: 150 muka surat  
Tawaran istimewa: \$4.90



